



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEEMPAT**  
*Fourth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 6575]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 6597]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:**

*Jawatankuasa (Hari Kelimabelas) —*

*Jadual —*

**Kepala B. 66 [Ruangan 6599]**

**USUL:**

**Anggaran Pembangunan, 1978:**

*Jawatankuasa (Hari Kelimabelas) —*

**Kepala P. 66 [Ruangan 6599]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATO HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan)
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jejebu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJAD BIN O.T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A.K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

Yang Berhormat TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).

„ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).

„ TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.D.K. (Tuaran).

„ DR. CHEN MAN HIN (Seremban).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

„ TUAN CHIENG TIONG KAI @ CHIENG SIE LUNG (Sarikei).

„ TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).

„ PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).

„ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).

„ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

„ TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).

„ TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).

„ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).

„ TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).

„ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).

„ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).

„ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).

„ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).

„ DR. HEE TIEN LAI @ HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).

„ TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHYA (Maran).

„ TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).

„ TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.I.K. (Tanjong Karang).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

„ TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

„ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).

„ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).

„ TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).

„ TUAN LIBEN ANAK KATO @ WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).

„ DR. LIM CHONG EU (Tanjong).

„ TUAN LIM KIAM HOON @ LIM AH YING (Padang Serai).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).

„ DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).

„ DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).

„ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).

„ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA @ HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BINTUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN ONN ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE @ ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N., (Sungei Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAK ANAK TAGONG @ SIBUT MIYUT ANAK TAGONG  
(Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibul).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan)
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA @ HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKER, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN-PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy  
Louis Yeoh Sim Ngoh  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah  
Suhor bin Husin  
Amran bin Ahmad  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Margaret Chye Kim Lian  
Puan Ng Chong Kin  
Puan Kong Yooi Thong  
Juliah binti Awam  
Supiah binti Dewak  
Ismail bin Hassan  
Shamsiah binti Mohd. Yusof  
Kalsom binti Ghazali

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad



MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Jumaat, 16hb Disember, 1977

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**KEMALANGAN JALANRAYA**

**1. Tuan Hashim bin Ghazali** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau bercadang hendak mengadakan satu sistem baru bagi pengguna-pengguna jalanraya guna mengelakkan sebarang kemalangan dan mengurangkan kemalangan jalanraya.

**Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu kurang jelas. Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian saya memang sentiasa mengkaji dan mencari jalan untuk memperbaiki lagi penggunaan jalanraya bagi maksud mengurangkan kemalangan jalanraya. Antara perkara-perkara yang sedang di dalam kajian Kementerian saya ialah untuk memperbaiki sistem pengujian memandu termasuk sistem dan cara pengeluaran lesen yang ada sekarang dan juga mengkaji berkenaan dengan had-had laju yang telah dan akan dikenakan ke atas jalanraya.

Di samping itu langkah-langkah yang lain adalah juga terus dijalankan seperti kempen-kempen keselamatan jalanraya, penguatkuasaan undang-undang lalulintas dan memperbaiki jalanraya-jalanraya.

Namun demikian, walau apapun usaha-usaha yang akan diambil termasuk pengenalan sistem-sistem baru dalam kontek memperbaiki sistem-sistem yang ada sekarang dan seterusnya bagi mengelakkan kemalangan jalanraya, Kementerian saya tidak dapat menjamin bahawa kemalangan jalanraya akan dapat dielakkan sama sekali kerana ini terpulang kepada pengguna-pengguna jalanraya sendiri. Selagi pengguna-pengguna jalanraya tidak mempunyai tanggungjawab dan tidak bertatertib serta menggunakan akal fikiran yang waras semasa menggunakan jalanraya. Selama inilah kemalangan jalanraya akan berterusan. Pengguna jalanraya yang saya maksudkan ini bukan sahaja terdiri dari pemandu-pemandu kenderaan bermotor tetapi juga mereka yang menggunakan basikal dan berjalan kaki.

**Tuan Hashim bin Ghazali:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan kemalangan jalanraya ini, satu daripada sebab-sebabnya kerana kenderaan-kenderaan ini telah dibenarkan menggunakannya padahal pada pandangan umum ia tidak boleh digunakan lagi. Contohnya, bas daripada Taiping ke Port Weld. Bas ini kebanyakannya sudah begitu lama tidak boleh digunakan lagi, kadang-kadang steeringnya pun tercabut, breknnya pun ditekan tidak makan dan berbagai-bagai lagi, yang anihnya

tayar pun kadang-kadang tercabut juga. Perkara ini telah dikemukakan beberapa kali kepada pihak Pejabat Pendaftaran Kereta-kereta Motor Negeri.

Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri jika apa yang saya sebutkan ini ia sedar, bagaimanakah tindakan yang patut diambil supaya bas-bas yang saya sebutkan tadi dapat diganti dengan yang baru seperti bas-bas syarikat lain juga.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Saya tidak berapa tahu yang mana satu kereta yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat tindakan-tindakan adalah kita ambil untuk memeriksa semua kereta-kereta itu sebelum dilesenkan tetapi kalaulah Yang Berhormat itu dapat memberi maklumat kepada RIMV ataupun Kementerian saya mana satu kereta yang difikirkan sudah tidak road-worthy tetapi masih berjalan, maka tindakan akan diambil.

## PENGELUARAN BERAS

2. **Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24* (2)) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan pengeluaran beras tahunan di negara ini dalam tempoh tiga tahun yang lalu dan nyatakan samada terdapat apa-apa rancangan untuk mencapai kecukupan beras pada masa akan datang.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, pengeluaran beras tahunan dalam tempoh tiga tahun yang lalu mengikut laporan Kementerian Pertanian adalah seperti berikut:

1974 — 1,329,416 tan  
1975 — 1,258,697 tan  
1976 — 1,280,910 tan

Untuk mencapai kecukupan beras pada masa akan datang ada berbagai rancangan seperti:

(a) Menambahkan keluasan untuk

tanaman padi dua kali setahun melalui projek-projek pengairan dan taliair.

- (b) Mengadakan benih-benih padi yang mengeluarkan hasil padi yang lebih banyak.
- (c) Memberi penerangan dan bimbingan kepada para petani bagi mengurangkan kehilangan padi semasa dan selepas menuai melalui extension services.
- (d) Pembukaan kawasan-kawasan sawah yang baru.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa tujuan untuk mencapai kecukupan beras, Kementerian ada membuat beberapa rancangan. Tidakkah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa apabila sampai angka self-sufficiency ini iaitu kecukupan beras mungkin melibatkan kepada kekurangan pendapatan petani-petani dan apa pula langkahnya untuk mengelakkan perkara ini timbul?

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Langkah-langkah yang akan diambil, Tuan Yang di-Pertua, ialah melalui membanyakkan lagi productivity tiap-tiap satu ekar itu.

## MAJUTERNAK — MENGELUARKAN DAGING

3. **Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah positif yang telah diambil untuk menambah mengeluarkan daging di negara ini oleh MAJUTERNAK memandangkan bahawa kita masih terpaksa mengimport daging dari Australia.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, di antara beberapa langkah MAJUTERNAK:—

- (a) Telah menubuh dan mengusahakan lapan buah projek ladang lembu

daging susu yang mempunyai jumlah luas kawasan 15,878 ekar dan jumlah bilangan ternakan 12,970 ekor. Projek-projek itu adalah di Behrang Ulu (Perak), Batu Arang (Selangor), Jelai Gemas (Negeri Sembilan), Air Hitam (Johor), Padang Hijau (Johor), Ulu Lepar (Pahang), Teresat (Trengganu) dan Sungai Karabungan (Sarawak).

- (b) Akan membuka 5 buah lagi kawasan projek-projek daging yang berjumlah 12,000 ekar untuk menampung 12,000 hingga 15,000 ekor bibit di Kelantan, Teresat II (Trengganu), Padang Hijau II (Johor), Sungai Karabungan II (Sarawak) dan Sabah; dan
- (c) Telah menubuh sebuah Syarikat usahasama MAJUTERNAK dengan Syarikat Tempatan yang dinamakan MAJUTERNAK Time-publishing Lee Pineapple Feedlot Sdn. Bhd. Projek ini menjalankan ternakan berkurung dan dijangkakan dapat mengeluarkan kira-kira 2,500 ekor lembu daging setahun.

Selain daripada itu, Jabatan Perkhidmatan Haiwan juga sedang melaksanakan beberapa projek tertentu bagi menambahkan pengeluaran daging untuk keperluan negara, umpamanya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan sebanyak \$20,250,000 disediakan untuk Rancangan Menternak Lembu yang termasuklah lembu daging.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Adakah benar laporan-laporan yang mengatakan baka-baka lembu yang diimpor daripada luar negeri untuk diternak di negara kita ini kurang sesuai dan kurang membiak?

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua.

## BENDERA NEGARA DAN GAMBAR D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

4. **Tuan Hashim bin Ghazali** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar ada terdapat bangunan-bangunan Kerajaan tidak menaikkan bendera negara ini mengikut sepatutnya dan tidak menggantung gambar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Agong pada tempat yang sepatutnya; jika sedar apakah tindakan beliau supaya keadaan seperti ini tidak berlaku lagi, jika tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sememangnya menjadi tugas dan tanggungjawab Ketua-ketua Jabatan dan Ketua-ketua Setiausaha Kementerian, samada di peringkat Persekutuan atau negeri memastikan bendera negara ini dinaikkan pada hari-hari tertentu seperti Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang jatuhnya pada 1hb Jun; hari Ulang Tahun Kemerdekaan Malaysia pada 31hb Ogos dan juga pada hari-hari lawatan rasmi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke peringkat negeri. Jabatan Perdana Menteri sememangnya telah mengambil tindakan berkait dengan perkara ini dengan mengeluarkan arahan-arahan melalui Surat-surat Pekeliling Am Bil. 7 Tahun 1957 dan Bil. 4 Tahun 1960. Dari masa ke semasa Jabatan Perdana Menteri sentiasa mengambil perhatian berat mengenai perkara ini bagi memastikan perlaksanaannya melalui penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu seperti perayaan dan sambutan baik di peringkat Negeri atau Persekutuan.

Mengenai soal penggantungan gambar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong,

ianya bergantung kepada budibicara Ketua-ketua Jabatan/Kementerian yang berkenaan. Jabatan Perdana Menteri akan mengadakan sesuatu tindakan yang wajar bagi memastikan perlaksanaannya bersesuaian dengan fungsi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong selaku Ketua Negara Malaysia.

## HARGA RUMAH

**5. Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan samada beliau akan membuat rancangan untuk mengawal harga-harga rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju per-sendirian memandangkan bahawa rumah adalah satu keperluan dan oleh yang demikian hendaklah disenaraikan sebagai barang yang terkawal untuk menentukan supaya kepentingan pembeli-pembeli dipelihara dan jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya telah menghuraikan dalam Dewan ini pada dua ketika baru-baru ini:

- (i) pada 25.10.77 bagi menjawab soalan jawab mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar; dan
- (ii) pada 16.11.77 bagi menjawab perkara-perkara yang ditimbulkan semasa Perbahasan Umum mengenai Ucapan Belanjawan,

mengenai langkah-langkah tidak langsung yang diambil oleh Kerajaan untuk menstabilkan harga-harga rumah. Dengan lain perkataan, saya berpendapat bahawa rumah bukanlah satu keperluan yang perlu dijadikan barang yang dikawal harga jualannya.

**Tuan S. Samy Vellu:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Harga rumah yang

dibina oleh sektor swasta ialah paling mahal dan projek-projek perumahan Kerajaan adalah paling kurang. Oleh itu, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mencadangkan satu sistem yang mana Kerajaan akan memberi tanah dengan infrastruktur dan sektor swasta akan membina rumah yang mana kita boleh dapat satu control yang mana boleh kita kurangkan harga dan kita boleh beri kepada rakyat biasa.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah ini dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri dan saya pun sudah jawab soalan itu tempoh hari.

## MAJUTERNAK LEMBU DI MUKAH— BALINGIAN

**6. Tuan Latip bin Haji Dris** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah rancangan MAJUTERNAK lembu di satu kawasan yang telah diukur di antara Mukah-Balingian dibuat dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga seperti yang diterangkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak baru-baru ini; berapakah peruntukan wang untuk projek ini.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, rancangan ternakan dalam kawasan yang berkenaan akan dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dan bukannya MAJUTERNAK. Mengikut keterangan dari Kerajaan Negeri Sarawak. Lembaga tersebut sedang menjalankan satu kajian kemungkinan dan pelaksanaan projek itu dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah bergantung kepada hasil kajian yang diperolehi.

## JALANRAYA DI BATU ARANG

**7. Tuan S. Samy Vellu** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan samada beliau sedar betapa buruknya keadaan jalan-jalanraya di dalam kawasan Batu Arang, Selangor

dan samada sebarang langkah positif sedang diambil untuk membaiki jalan-jalan itu.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat keadaan jalan yang rosak yang dimaksudkan itu berlaku beberapa bulan yang lalu oleh kerana Jabatan Talikom telah menggali jalan-jalan di dalam bandar Batu Arang untuk menanam kebel-kebel mereka. Jabatan tersebut telahpun membaiki kerosakan-kerosakan dan menimbus lubang-lubang yang ada. Perlu dimaklumkan juga penyelenggaraan jalan di kawasan Batu Arang adalah di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri. Kementerian saya telah diberitahu bahawa pada tahun 1976 JKR Selangor telahpun mengetar jalan-jalan 'gravel' sepanjang 1.25 batu dan pada tahun ini Jabatan tersebut akan mengetar jalan 'gravel' sepanjang 0.5 batu lagi. Jabatan tersebut juga akan senantiasa menyelenggara dan membaiki jalan-jalan di kawasan tersebut dari masa ke masa supaya jalan-jalan tersebut berada dalam keadaan yang memuaskan.

#### PENGELUARAN MAKANAN SENDIRI

**8. Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Menteri Pertanian menyatakan bilakah negara kita akan mencapai matlamatnya untuk mencukupi pengeluaran makanan sendiri khususnya beras tanpa lagi mengimpor beras dari luar dan dengan berlebihan beras akan menjadi negara yang mengekspot beras.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sememangnya mempunyai dasar mengeluarkan seberapa yang boleh bahan-bahan makanan yang cukup untuk keperluan negara dan ekspot. Tetapi kita tidaklah dapat mengeluarkan semua jenis bahan makanan yang kita perlukan. Setengahnya boleh kita keluarkan dan ada setengahnya tidak boleh kita keluarkan sendiri oleh kerana faktor-faktor seperti kesesuaian tanah serta iklim, pendapatan kepada petani/pekebun kecil, kemajuan teknologi, soal-soal sosio-ekonomi dan sebagainya. Contohnya: (i)

gandum tidak boleh kita tanam di negara kita, (ii) kobis dan bawang sedang diuruskan supaya negara kita mengeluarkan cukup untuk bekalan negara dan (iii) MARDI sedang menggiatkan penyelidikan berkenaan jenis kentang yang paling sesuai di negara dengan tujuan mengeluarkan sendiri kentang untuk keperluan negara.

Dari segi beras, Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa dasar Kerajaan pada masa ini ialah untuk mencapai 100 keperluan negara. Jika sekiranya usaha-usaha bagi menambahkan pengeluaran beras melalui tambahan hasil keluaran padi dengan cara tanaman dua kali setahun, penggunaan benih padi serta input-input pertanian yang lebih elok dan bersesuaian, kegunaan teknologi-teknologi yang lebih maju serta pembukaan kawasan-kawasan padi yang baru adalah dijangka bahawa pengeluaran padi/beras negara ini akan hampir mencukupi keperluan negara dalam tahun 1990.

#### LOTERI PERKHIDMATAN MASYARAKAT DAN KEBAJIKAN

**9. Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang yang dipungut dari tiket-tiket Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan semenjak permulaan loteri itu, dan dari tahun 1970 ke 1977;

(a) bagaimana wang itu digunakan dan apa projek-projek kebajikan masyarakat dilaksanakan dengan wang yang didapati dari loteri itu; dan

(b) siapakah orang-orang yang telah menikmati faedah dari projek-projek itu.

**Datuk Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, kesemua keuntungan yang diperolehi daripada hasil jualan tiket-tiket loteri adalah dimasukkan ke dalam kira-kira Kumpulanwang Hasil Yang Disatukan

yang dikelolakan oleh Akauntan Negara Malaysia. Jumlah wang yang telah dimasukkan ke dalam Kumpulanwang tersebut daripada 1962 sehingga September, 1977 ialah \$154,877,581.13.

Oleh kerana semua hasil keuntungan daripada jualan tiket-tiket loteri dimasukkan ke dalam kira-kira Kumpulanwang Hasil Yang Disatukan, oleh yang demikian ianya digunakan untuk pelbagai perbelanjaan Kerajaan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengadakan satu Kumpulan Wang Amanah iaitu Kumpulan Wang Amanah Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan yang mana peruntukannya diluluskan oleh Parlimen. Peruntukan yang diluluskan ini tidaklah boleh melebihi daripada jumlah wang yang telah diterima oleh Kumpulan Wang Hasil Yang Disatukan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu seterusnya, Kumpulanwang Amanah ini dikelolakan oleh Bahagian Penyelarasan Pelaksanaan, di Jabatan Perdana Menteri dan segala penggunaan wang dari peruntukan ini diluluskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Jenis-jenis projek yang dibiayai daripada Kumpulanwang Amanah ini adalah seperti berikut:—

- (1) Membina/membaiki projek-projek keugamaan.
- (2) Membina/membaiki projek-projek kemasyarakatan.
- (3) Bantuan Buku-buku Teks sehingga tahun 1974.
- (4) Bantuan bencana alam (banjir, kebakaran, ribut dan lain-lain).

Daripada projek-projek yang saya nyatakan tadi, Ahli Yang Berhormat itu telah sedia maklum bahawa projek-projek yang dilaksanakan daripada Kumpulan Wang Amanah itu dinikmati oleh semua golongan masyarakat.

## CEK TIDAK DITUNAI OLEH BANK

**10. Tuan Farn Seong Than** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau sedar bahawa beribu-ribu cek yang mengandungi berjuta-juta ringgit tidak ditunai oleh bank. Jika benar, apa tindakan beliau akan menjalankan untuk menghapuskan jenayah commercial.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini tidak ada rekod-rekod yang menunjukkan adanya bank-bank yang tidak menunaikan cek-cek yang diterima.

## BANK BUMIPUTRA/BANK PERTANIAN — RANCANGAN KREDIT

**11. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil supaya Bank Bumiputra dan Bank Pertanian dapat meluaskan rancangan-rancangan kredit luar bandarnya ke Sarawak.

**Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, Bank Bumiputra telah memulakan Sekim Kredit Luar Bandarnya pada pertengahan tahun 1971. Sekim ini menitikberatkan bimbingan khidmat nasihat dan tunjuk ajar kepada peminjam-peminjam di luar bandar samada untuk pertanian, perniagaan kecil atau perusahaan kecil. Di bawah sekim ini pegawai bank dikehendaki membuat lawatan ke projek yang hendak dibiayai sebelum pinjaman dipertimbangkan dan penyusunan dilakukan setelah pinjaman diluluskan untuk menentukan kejayaan projek tersebut. Apabila Sekim Jaminan Kredit (C.G.C.) dimulakan dalam tahun 1973, Bank Bumiputra mendapati banyak persamaan di antara dua sekim tersebut dan telah menggabungkannya di bawah jagaan Jabatan Yunit Khas Bumiputra. Sekim Jaminan Kredit ini meliputi semua cawangan Bank Bumiputra dan dengan

sendirinya termasuklah juga cawangan-cawangan di Sarawak. Di tiap-tiap cawangan ada disediakan kaunter "Yunit Khas Bumi-putra" yang tugasnya ialah untuk memberi khidmat nasihat. Bank Bumiputra men-cadangan untuk menubuhkan sebuah cawangan di Sibu pada hujung tahun 1978 untuk memberi khidmat kepada orang ramai di samping memperluaskan lagi rancangan-rancangan kredit luar bandar di Sarawak.

Di antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Bank Pertanian pula untuk meluaskan rancangan kredit luar bandarnya ke Sarawak ialah penubuhan cawangan Kuching yang telah diresmikan pembukaannya pada 19hb November, 1976. Kegiatan cawangan yang meliputi keseluruhan Negeri Sarawak dan di antara kemudahan kredit yang disediakan ialah untuk berbagai jenis tanaman, ternakan, perikanan, jentera pertanian, pembelian tanah perusahaan pertanian dan kemajuan ladang. Memandangkan Negeri Sarawak begitu besar dan kesukaran perhubungan, dua buah cawangan lagi telah dirancang untuk dibuka dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu di Sibu dan Bintulu bagi meluaskan kegiatan Bank Pertanian di Sarawak. Bank Pertanian bersedia untuk membuka beberapa cawangan lagi di mana-mana bahagian dalam Negeri Sarawak dari masa ke semasa sekiranya didapati perlu.

### ALAT PERTANIAN DAN SUKAN

**12. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau bercadang untuk mengecualikan cukai bagi alat pertanian dan sukan. Jika ada bila dan jika tidak mengapa.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun)**; Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kewangan telahpun dan sedia memberi pengecualian cukai impot atas alat-alat pertanian berdasarkan permohonan-permohonan yang diterima. Walau bagaimanapun pengecualian adalah diberi dengan

syarat bahawa alat pertanian yang serupa tidak dapat dibekal oleh pengeluar-pengeluar tempatan. Bagi alat-alat sukan pula, cukai impot tidak dikenakan melainkan alat itu diperbuat daripada plastik. Pengenaan cukai ini timbul oleh kerana alat-alat sukan yang diperbuat daripada plastik itu adalah diperjeniskan bersama dengan alat-alat lain yang dikenakan cukai impot. Sungguhpun demikian pengecualian cukai impot atas alat-alat sukan buatan plastik boleh dipertimbangkan mengikut keadaan.

### HANDICRAFT MARA

**13. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abd. Rahim** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa negara seperti Philippines menggunakan banyak bahan-bahan tempatan seperti kulit-kulit binatang, siput-siput dan kayu-kayu mati yang didapati di tepi-tepi pantai, rotan, buluh dan batu marmar untuk dibentuk menjadi benda-benda perhiasan di rumah dan di jabatan dan ini dijual secara besar-besaran di department store dan juga diekspot. Jika ya, mengapa di Malaysia usaha-usaha seperti ini tidak didapati dan apakah sebenarnya dasar dan tugas-tugas Handicraft MARA terhadap perkara ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman)**; Tuan Yang di-Pertua, adalah benar bahawa negara seperti Philippines menggunakan bahan-bahan tempatan seperti kulit-kulit binatang, siput-siput, kayu-kayu mati, buluh, rotan dan batu marmar untuk dijadikan benda-benda perhiasan dan dijual secara besar-besaran dan juga diekspot.

Usaha-usaha yang seumpama ini seperti kulit-kulit siput, jerami dijadikan gambar, tempurung dijadikan tempat abu rokok dan sebagainya boleh didapati di kedai-kedai secara kecil sahaja. Apabila RIDA (Lembaga Kemajuan dan Perusahaan Kampung) ditubuhkan, usaha-usaha telah dijalankan

untuk memajukan perusahaan-perusahaan tersebut supaya dapat meningkat ke taraf perdagangan (commercial). Usaha-usaha memajukan perusahaan tersebut serta memasarkan di merata-rata tempat di negara ini termasuklah juga ke luar negeri telahpun dijalankan oleh Bahagian Perusahaan Perdagangan MARA. Pada 14hb Mei, 1973 Lembaga Kraftangan Malaysia (Malaysia Handicraft Board) telah ditubuhkan untuk mempergiatkan lagi perkembangan kraftangan di dalam Negara.

Lembaga ini diberi tanggungjawab bagi menggalak dan memajukan perusahaan-perusahaan kraftangan tempatan, dan fungsi-fungsi utama seperti berikut:—

- (i) Menubuhkan pusat-pusat kemajuan perusahaan Kraftangan;
- (ii) Mengadakan latihan-latihan kemahiran dalam berbagai bidang kraftangan kepada jenerasi-jenerasi muda supaya mereka ini berkecimpung secara aktif dalam perusahaan kraftangan;
- (iii) Memperbanyakkan usaha-usaha dalam memberi khidmat nasihat dalam bidang teknikal dan pemasaran, kepada pengusaha-pengusaha kraftangan yang sedia ada dan yang baru muncul.
- (iv) Menggalakkan pemasaran barang-barang kraftangan tempatan di dalam dan di luar negeri.

Barang-barang kraftangan keluaran tempatan ini sedang giat dijual di gerai-gerai tempatan dan di Pusat Jualan Lembaga Kraftangan Malaysia di Singapura. Pusat Jualan di Singapura ini adalah Pusat Jualan (LKM) yang pertama di luar negeri, dan adalah juga sebagai langkah pertama bagi tujuan pemasaran barang-barang kraftangan Malaysia ke luar negeri dan seberang laut.

#### FAMA — HASIL-HASIL PERTANIAN

**14. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Pertanian menyatakan

memandangkan bahawa FAMA adalah ajensi-ajensi Kerajaan untuk memasarkan hasil-hasil pertanian, mengapa Pertubuhan Peladang, sebagai ejen mengeluarkan hasil-hasil pertanian terpaksa memasarkan hasil-hasil pertanian.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi dasar Kementerian untuk menggalakkan petani-petani supaya melibatkan diri bukan sahaja dalam pengeluaran hasil-hasil pertanian bahkan juga di dalam memproses dan memasarkan hasil-hasil pertanian mereka sendiri sebaik-baiknya melalui Koperasi Peladang. Dengan demikian petani-petani akan memperoleh lebih faedah dan pendapatan yang biasanya akan diperolehi oleh orang tengah. Di dalam kawasan di mana Koperasi Peladang boleh menjalankan kegiatan pemasarannya sendiri, FAMA tidak akan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti tersebut. Walau bagaimanapun FAMA akan membantu Koperasi-koperasi Peladang di dalam kegiatan ini dengan memberikan maklumat-maklumat pasaran seperti kedudukan pasaran, harga-harga, luang-luang pasaran dan sebagainya. Penglibatan FAMA dalam kegiatan pasaran hanya dalam kawasan di mana Koperasi-koperasi Peladangnya belum lagi mampu menjalankan kegiatan-kegiatan itu.

Pendekata keutamaan memproses dan memasarkan hasil pertanian adalah diberikan kepada petani-petani itu sendiri melalui Koperasi-koperasi Peladangnya. Jika mereka belum mampu berbuat demikian, maka barulah FAMA sendiri memproses dan memasarkannya.

#### LESEN MENGIMPOT KERETA MOTOR

**15. Tuan Latip bin Haji Dris** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan Bumiputra dan bukan Bumiputra di Sarawak yang telah mendapat lesen mengimpot kereta motor yang telah dipasang di



sekitar kawasan Kuala Lumpur semenjak tahun 1975 sampai bulan Jun, 1977. Berapa jumlah yang telah dibawa masuk ke Sarawak semenjak itu.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat sebab-sebabnya pengimpotan kereta motor dilesenkan dan dikawalkan. Pengimpotan kereta motor ke Malaysia dari negara luar termasuk ke Sarawak dan Sabah dikawal dengan tujuan untuk memberi perlindungan kepada kilang-kilang pemasangan kereta tempatan. Dengan perlindungan ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menghadkan jumlah pengimpotan kereta-kereta daripada luar negeri. Biasanya lesen-lesen impot hanya akan diberi kepada pengimpot-pengimpot yang mempunyai pengalaman. Ini bermakna jika sesuatu syarikat itu pernah mengimpot kereta motor di masa yang lalu, ianya boleh dipertimbangkan sebagai pemegang kota.

Saya sedar bahawa kebanyakan syarikat-syarikat Bumiputra tiada mempunyai pengalaman dan oleh itu adalah sukar sedikit bagi Kementerian menimbangkan memberi peruntukan kota kepadanya. Walau bagaimanapun di bawah perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru, Kementerian telah memberi perlonggaran-perlonggaran tertentu kepada syarikat-syarikat Bumiputra yang mana didapati sesuai diberi lesen-lesen impot secara 'ad-hoc'. Menimbangkan jumlah yang dibenarkan impot adalah terbatas maka tidak semua permohonan daripada syarikat-syarikat Bumiputra dapat dipertimbangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat pengimpotan kereta motor yang dipasang di sekitar Kuala Lumpur ke Sarawak tidak dikenakan apa-apa sekatan dan sebelum 1 Julai 1977 sungguhpun disyaratkan dikenakan lesen impot, lesen impot adalah dikeluarkan dengan bebas tanpa kawalan kuantitinya.

Dari rekod Kementerian saya bagi tahun 1975, sehingga Jun, 1977 terdapat 14 syarikat bukan Bumiputra telah diberi lesen mengimpot kereta motor yang dipasang di sekitar Kuala Lumpur ke Sarawak. Enam dari syarikat-syarikat itu adalah pejabat-pejabat cawangan syarikat pemasangan-pemasang motor berkenaan yang bertempat di Sarawak. Mulai 1hb Julai, 1977 pengimpotan kereta motor dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak atau sebaliknya tidak lagi memerlukan lesen impot.

Bagi menjawab soalan bahagian kedua mengenai jumlah yang dibawa masuk ke Sarawak bagi tempoh 1975 — Jun, 1977 adalah seperti berikut:—

Tahun	Kuantiti yang diimpot dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak
1975	2,952 yunit
1976	2,869 yunit
1977 (hingga Jun)	1,300 yunit

### LESEN BAS EKSPRES

**16. Tuan Chin Hon Ngian** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sebab-sebab maka satu lesen diberi kepada sebuah Syarikat Bas baru untuk menjalankan satu perkhidmatan ekspres antara Butterworth dan Alor Setar sungguhpun telah ada bas-bas yang berjalan di perjalanan ini;

- (a) berapa perkhidmatan bas ada antara Butterworth dan Alor Setar. Apa syarikat-syarikat yang menjalankan perkhidmatan-perkhidmatan itu; dan
- (b) bagaimana perkhidmatan ekspres baru ini akan mempengaruhi perkhidmatan-perkhidmatan yang ada.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebab-sebab sebuah Lesen Perkhidmatan jalan baru untuk menjalankan perkhidmatan bas ekspres antara

Butterworth dan Alor Setar telah diluluskan atas kehendak lalulintas di perjalanan tersebut dan juga memberi penyertaan kepada MARA.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat ada sebanyak tiga Syarikat yang menjalankan perkhidmatan bas di perjalanan antara Butterworth dengan Alor Setar dan nama Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:
- (i) Syarikat United Transport Company.
  - (ii) Syarikat Ebban Sdn. Bhd.
  - (iii) MARA Ekspres Bhd.
- (c) Sebenarnya perkhidmatan bas ekspres baru itu memang menarik sedikit trafik daripada Syarikat-syarikat Bas yang sedang menjalankan perkhidmatan berhenti ataupun stage buses dengan perjalanan tersebut, tetapi memandangkan kepada pertambahan pengguna-pengguna di atas jalan tersebut, penarikan trafik tersebut tidak begitu menjejaskan pendapatan mereka.

#### **EXXON CORPORATION DI AMERIKA — PAYOFF**

17. **Tuan Farn Seong Than** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau akan mengadakan penyiasatan ke atas pengumuman baru-baru ini oleh Exxon Corporation di sebuah Mahkamah Daerah di Amerika bahawa Exxon telah membayar sebanyak US\$56.6 million sebagai payoff dan sumbangan kepada parti-parti politik dalam enam belas buah negara termasuk Malaysia antara tahun 1963 hingga tahun 1975 dan jika ya, nyatakan tindakan yang akan diambil terhadap parti-parti politik di Malaysia yang telah menerima payoff tersebut, dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang

di-Pertua, tidak ada penyiasatan dijalankan ke atas pengumuman oleh Exxon Corporation di Amerika yang menyatakan Malaysia adalah salah satu daripada 16 buah negara yang ada menerima sumbangan untuk parti-parti politik antara tahun 1963 hingga tahun 1975. Kenyataan yang dikatakan dibuat oleh syarikat tersebut adalah umum sahaja. Sehingga masa ini tidaklah dapat ditentukan samada parti-parti politik di negara ini ada menerima sumbangan yang diperkatakan itu.

#### **JURUTERA PERAIRAN**

18. **Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Pertanian menyatakan samada beliau sedar atau tidak bahawa negara kita masih memerlukan Jurutera-jurutera Perairan bagi menjayakan Rancangan Malaysia Ketiga dan jika ya, adakah Kementerian berkenaan bercadang hendak mengesyorkan kepada Kerajaan Pusat mengambil beberapa orang jurutera-jurutera dari Negara-negara ASEAN bagi membantu Malaysia dalam bidang perairan.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, dasar Jabatan Parit dan Tali-air ialah mengisikan jawatan-jawatan Jurutera dengan anak-anak negeri yang cukup kelulusan dan kelayakan. Jika tidak terdapat anak-anak negeri yang sedemikian, maka Jabatan Parit dan Tali-air memang telah mengambil Jurutera-jurutera dari luar negeri. Pengambilan Jurutera-jurutera bagi Jabatan Parit dan Tali-air dari Negara-negara ASEAN boleh ditimbangkan jika memerlu-kannya dan juga jika negara-negara tersebut boleh meminjamkannya kepada kita.

#### **PAMIRAN BERGERAK MUZIUM NEGARA**

19. **Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan adakah beliau bercadang hendak memperluaskan Pamiran Bergerak Muzium

Negara dengan menambah dan menukarkan bahan pamirannya. Jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Saadun bin Muhammad Noh):** Tuan Yang di-Pertua, pamiran Bergerak Jabatan Muzium Negara telah dilancarkan dengan rasminya oleh Yang Berhormat Tan Sri Ong Kee Hui, Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar pada ketika itu, pada 21hb Februari, 1976.

Pamiran yang pertama bertemakan "Aktiviti Muzium" mengandungi 20 peti pamiran. Semenjak ia dilancarkan ia telah mengadakan lawatan ke sekolah-sekolah di kawasan seperti berikut:—

- (a) Kawasan Selatan yang meliputi Negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan. Pamiran telah diadakan di 18 buah sekolah di samping menampung juga sebanyak 145 buah sekolah yang berhampiran. Jumlah pelawat yang datang menyaksikan ialah 52,756.
- (b) Kawasan Pantai Timur dan Selangor yang meliputi Negeri-negeri Pahang, Kelantan dan Trengganu di samping Selangor. Pamiran telah diadakan di 47 buah sekolah di samping menampung 100 buah sekolah berhampiran. Jumlah pelawat ialah 88,211.
- (c) Kawasan Utara yang meliputi Negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan Perlis. Pamiran telah diadakan di 58 buah sekolah di samping menampung juga 390 sekolah yang berhampiran. Jumlah pelawat ialah 118,218 orang.

Lawatan ke tiga-tiga kawasan ini memakan masa selama 157 hari dan jumlah sekolah yang dilawati ialah 758 buah dan jumlah pelawat yang menyaksikan 259,185 orang.

Untuk siri lawatan yang kedua yang bermula pada 8hb Ogos, 1977 tema telah ditukar dan tajuknya ialah "Matawang Malaysia". Untuk siri lawatan kedua, negeri-negeri di

kawasan Selatan yang telah dilawati ialah Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, lawatan ini berakhir pada 2hb November, 1977.

Pamiran telah diadakan di 30 buah sekolah di samping menampung juga 92 buah sekolah yang berdekatan. Jumlah pelawat ialah 65,329 orang.

Tahun 1978, Jabatan Muzium akan menambah lagi sebuah van menjadikan dua buah manakala di tahun 1979 kami berharap akan dapat mempunyai tiga buah van yang akan melawat serentak ke tiga-tiga kawasan iaitu Selatan, Utara dan Timur dengan tema pamiran yang bertukar tiap-tiap tiga bulan sekali dan dengan ini nanti dalam tempoh satu tahun, tiga tema pamiran akan dapat dilaksanakan.

## TANAMAN SEMULA KELAPA DAN KOKO

**20. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Menteri Pertanian menyatakan samada Kementerian beliau bercadang untuk menambah bantuan wang bagi tanaman semula kelapa dan koko kepada pekebun-pekebun kecil dan jika ada, bila dan kadarnya seekar.

**Tuan Edmund Langgu anak Saga:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pertanian tidak bercadang hendak menambahkan lagi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil kelapa kerana bantuan ini telahpun dinaikkan dari \$500 kepada \$900 seekar bagi tanaman semula dan dari \$300 kepada \$600 seekar bagi pemulihan. Jumlah bantuan ini termasuk harga bahan-bahan input bagi kelapa dan tanaman selingan seperti koko, kopi atau pisang.

Di bawah Rancangan Subsidi Input dan Mempelbagaikan Pertanian dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang mendapat peruntukan sebanyak \$67.04 juta, tanaman koko juga adalah salah satu tanaman yang digalakkan.

Kadar bantuan telah dinaikkan dari \$250 kepada \$300 seekar.

### DAKWAH ISLAMIAH

**21. Tuan Abu Bakar bin Arshad** minta Menteri Pelajaran menyatakan kejayaan mengawasi kegiatan dakwah Islamiah yang dijalankan oleh Pelajar Islam Pusat-pusat Pengajian Tinggi di dalam dan di luar negeri. Adakah beliau berpuashati atas kegiatan yang dijalankan oleh mereka.

**Datuk Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, kegiatan dakwah oleh Pelajar-pelajar Islam di Pusat Pengajian Tinggi di dalam negeri sememangnya diawasi dengan rapi untuk mengelakkan kejadian yang tidak diinginkan. Bagi kegiatan dakwah di luar negeri ini pun diberikan perhatian melalui Jabatan-jabatan penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri. Pada masa ini tiada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa kegiatan dakwah menjejaskan kemajuan pelajar-pelajar kita di dalam dan luar negeri pada keseluruhannya.

### RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

#### RANG UNDANG-UNDANG PERKAPALAN SAUDAGAR (PINDAAN DAN PERLUASAN) (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pindaan dan Perluasan), 1976; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perhubungan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana gangguan bekalan elektrik, saya bercadang hendak menempohkan persidangan Dewan ini selama lebih kurang 15 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 3.15 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 3.35 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (15hb Disember, 1977).

*Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.*

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu Kementerian sahaja lagi yang dihaskan untuk ditimbang oleh Majlis ini pada hari ini iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di bawah Anggaran Perbelanjaan Kepala B. 66 dan Anggaran Pembangunan P. 66. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk mengemukakan.

*Kepala B. 66 (Jadual) —*

*Kepala P. 66 (Anggaran Pembangunan, 1978)*

3.38 ptg.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr. Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Pengerusi, saya memohon izin membentangkan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1978 untuk Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang berjumlah \$595,776,050 di bawah Kepala:—

B. 66.	...	...	\$ 30,043,100
P. 66	...	...	\$565,732,950

dijadikan sebahagian daripada Jadual Rang Undang-undang Perbekalan ini.

#### ANGGARAN BELANJA MENGURUS

Peruntukan yang berjumlah \$30,043,100 di bawah Kepala Bekalan 66 adalah dibahagikan kepada:—

- i. Pentadbiran Am  
(Ibu Pejabat) \$ 1,367,000
- ii. Jabatan Ukur Semenanjung  
Malaysia \$25,196,900
- iii. Pejabat Ketua Pengarah Tanah  
dan Galian Persekutuan \$ 3,479,200

Ingin saya menarik perhatian Dewan ini bahawa jumlah peruntukan sebanyak \$30,043,100 yang dikehendaki bagi Belanja Mengurus tahun 1978 adalah melebihi sebanyak \$5,806,100 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi Belanja Mengurus Tahun 1977. Ini adalah disebabkan kerana pelaksanaan sepenuhnya Laporan Jawatankuasa Kabinet mengenai perubahan-perubahan gaji dalam Perkhidmatan Awam. Pelaksanaan ini adalah melibatkan seramai 3,678 Pegawai-pegawai dan Kakitangan-kakitangan di bawah kelolaan Kementerian saya yang melibatkan tambahan peruntukan sebanyak \$5,572,600.

*Pecahan Kepala 1300 — Tambahan Kos Kakitangan*

Peruntukan di bawah Pecahan Kepala 1300 Tambahan Kos Kakitangan sebanyak

\$186,600 adalah dikehendaki. Peruntukan ini telah bertambah sebanyak \$73,600 jika dibandingkan dengan peruntukan sebanyak \$113,000 bagi tahun 1977 kerana menampung caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sesuai dengan pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet di mana kadar caruman telah ditambah.

Peruntukan di bawah Pecahan Kepala 2100 — Perjalanan dan pengangkutan orang telah bertambah sebanyak \$280,900 jika dibandingkan dengan peruntukan sebanyak \$3,288,100 bagi tahun 1977. Pertambahan ini adalah diperlukan bagi bayaran tuntutan elaun perjalanan pegawai-pegawai di Kementerian ini dan di Jabatan-jabatan di bawahnya.

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN

Sekarang saya akan membentangkan pula Anggaran Perbelanjaan Pembangunan di bawah Kepala P. 66, yang berjumlah sebanyak \$565,732,950 bagi tahun 1978.

*Pecahan Kepala I — Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pecahan Kepala 4 — Rancangan Tanah Jengka \$357,461,310.*

Peruntukan yang di luluskan bagi FELDA dan Rancangan Tanah Jengka untuk tahun 1978 ialah sebanyak \$357,461,310. Ini bererti tambahan sebanyak \$46,573,710 berbanding dengan peruntukan bagi tahun 1977. Penambahan yang terbesar sekali ialah untuk Perbelanjaan Pengurusan yang mana gaji pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan telah ditambah kerana pelaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Sejak tertubuhnya FELDA dalam tahun 1956 sehingga akhir tahun 1977, ia telah membuka tanah seluas 920,503 ekar untuk pertanian dan 57,234 ekar untuk perkampungan. Dalam masa itu FELDA dianggar menempatkan 45,800 keluarga atau 274,800 orang di kawasan-kawasan perkampungan yang dilengkapkan dengan

kemudahan-kemudahan awam dan ke-masyarakatan.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua, FELDA telah membuka tanah seluas 412,375 ekar. Dalam Rancangan Malaysia Ketiga FELDA telah ditugaskan untuk membuka 350,000. Sehingga tahun kedua dalam Rancangan Malaysia Ketiga FELDA telahpun memajukan 199,708 ekar. Dalam tahun 1976 FELDA telah menempatkan 5,338 peneroka iaitu 238 keluarga lebih daripada matlamat tahunan Rancangan Malaysia Ketiga yang ditetapkan setakat 5,100 keluarga. Dalam tahun kedua Rancangan Malaysia Ketiga FELDA juga dijangka melebihi matlamat penempatannya.

Untuk membolehkan FELDA meneruskan kegiatan-kegiatannya dalam tahun 1978, Kerajaan telah mengadakan peruntukan berjumlah \$357,461,310. Daripada jumlah tersebut, \$322,824,810 diperturunkan kepada FELDA dan \$34,636,500 diperturunkan kepada Jengka. Sebanyak \$87,742,450 daripada jumlah peruntukan tersebut akan digunakan untuk Perbelanjaan Pengurusan dan \$269,718,860 untuk kerja pembangunan. Peruntukan sebanyak \$357,461,310 ini akan diberikan kepada FELDA menerusi dua bentuk. \$244,698,390 adalah peruntukan pinjaman yang akan dibayar kembali, dan bakinya sebanyak \$112,762,920 adalah peruntukan secara langsung.

Daripada peruntukan secara langsung yang berjumlah \$112,762,920, \$8,742,450 akan digunakan untuk Perbelanjaan Pengurusan dan bakinya sebanyak \$25,020,470 akan digunakan untuk membiayai kerja-kerja pembangunan perkhidmatan awam dan projek khas.

Peruntukan pinjaman sebanyak \$244,698,390 akan digunakan untuk membiayai aktiviti-aktiviti berikut:—

#### *Tanaman Getah*

FELDA bercadang untuk memajukan 54,370 ekar bagi tahun 1978. Anggaran

Perbelanjaan bagi tahun 1978 ialah \$52,364,750.

#### *Kelapa Sawit*

FELDA bercadang untuk memajukan 47,180 ekar bagi tahun 1978 dan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1978 ialah \$97,536,100.

#### *Tebu*

Jumlah ekar yang sedang dimajukan ialah 3,631 ekar dan jumlah perbelanjaan yang dianggar tahun 1978 ialah \$1,272,100.

#### *Koko*

FELDA bercadang untuk memajukan 6,230 ekar bagi tahun 1978. Jumlah ekar yang dimajukan di mana peruntukan perlu diadakan ialah 14,567 dan ini akan melibatkan perbelanjaan berjumlah \$6,081,050.

#### *Kopi*

FELDA bercadang untuk memajukan 1,000 ekar pada tahun 1978. Luas ekar yang mana peruntukan diperlukan ialah 2,995 ekar dan ini akan terlibat perbelanjaan berjumlah \$800,840.

#### *Pembangunan Perkampungan*

FELDA bercadang untuk memajukan 4,480 ekar pada tahun 1978 yang menghendaki perbelanjaan sebanyak \$1,346,120 untuk pembangunan perkampungan. Jumlah keperluan ini juga termasuk pembangunan kawasan-kawasan perkampungan yang telah dimulakan pada tahun 1976 dan 1977.

#### *Rumah Peneroka*

FELDA bercadang akan menyiapkan sebanyak 9,963 buah rumah peneroka pada tahun 1978 dan akan membina lagi sebanyak 7,393 buah yang dijangka akan siap pada tahun 1979. Jumlah perbelanjaan yang terlibat ialah \$17,684,100.

### *Pinjaman Terus Kepada Peneroka*

Pinjaman ini adalah untuk membekalkan peneroka dengan alat-alat perkebunan, penuaian, penorehan, pokok buah-buahan dan benih sayur-sayuran bersama baja, dan pinjaman sara hidup untuk mencukupkan pendapatan \$100 sebulan. Perbelanjaan yang dijangka akan terlibat ialah \$3,254,100.

### *Kemudahan Memproses dan Instolansi*

FELDA akan terus menyiapkan, membina dan menambah muatan kilang-kilang dan instolansi pada tahun 1978. Bagi kilang-kilang kelapa sawit sebanyak 6 buah akan mula memproses, 8 buah akan ditambah daya muatan dan 4 buah lagi akan mula dibina pada tahun 1978. Bagi kilang getah hanya sebuah akan ditambah daya muatannya. Juga FELDA sedang membina sebuah kilang koko dan akan mula memproses pada tahun 1978. Perbelanjaan yang terlibat bagi tujuan di atas adalah berjumlah \$68,162,990.

*Pecahan Kepala 5 — Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) — \$21,472,000.*

*Pecahan Kepala 7 — Rancangan-rancangan Tanah Belia — \$16,505,000.*

- (i) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, FELCRA telah memajukan 10 buah rancangan tanah belia dengan luasnya berjumlah 21,651 ekar bagi 1,831 orang peserta belia. Sebanyak 33 buah rancangan tanah pinggir dan 9 buah rancangan pemulihan tanah telah diusahakan yang meliputi kawasan 39,336 ekar dan 9,718 ekar masing-masing, untuk seramai 7,039 keluarga peserta. Rancangan-rancangan ini telah ditanam dengan getah, kelapa sawit dan padi.
- (ii) Matlamat FELCRA di bawah Rancangan Malaysia Ketiga adalah bagi memajukan/memulihkan kawasan seluas 50,000 ekar di Semenanjung Malaysia. Matlamat ini terdiri dari

5,000 ekar untuk rancangan pemulihan tanah, 20,000 ekar bagi rancangan tanah pinggir dan 25,000 ekar lagi bagi rancangan tanah belia. Sehingga pertengahan tahun 1977, di bawah tempoh Rancangan Malaysia Ketiga ini FELCRA telah memajukan/memulihkan kawasan-kawasan seluas 2,458 ekar rancangan tanah pemulihan, 7,091 ekar rancangan tanah pinggir dan 8,430 ekar rancangan tanah belia.

Sejak FELCRA ditubuhkan sehingga pertengahan tahun 1977, FELCRA telah memajukan kawasan berjumlah 104,380 ekar, yang terdiri dari 76,117 ekar kawasan getah, 25,793 ekar kawasan kelapa sawit dan 2,470 ekar kawasan padi.

- (iii) Dalam tahun 1978, FELCRA ber-cadang memajukan 9 buah rancangan tanah pinggir seluas 6,435 ekar, 8 buah rancangan tanah belia seluas 9,900 ekar serta akan memulihkan 5 buah rancangan tanah pemulihan seluas 3,853 ekar.

Bagi projek tahun 1978 ini 12,138 ekar akan ditanam dengan getah dan 8,050 ekar pula kelapa sawit.

Perlaksanakan projek-projek ini akan memberi faedah secara langsung kepada 2,402 keluarga peserta/belia yang mana akan menjadi peserta di rancangan-rancangan itu.

*Pecahan Kepala 10 — Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA) — \$91,138,000*

Peruntukan yang dikehendaki bagi tahun 1978 adalah sebanyak \$91,138,000.

Konsep pembangunan di Kawasan Pahang Tenggara ialah untuk menempatkan penduduk-penduduk di dalam bandar-bandar baru supaya mereka dapat menikmati kehidupan dan kemudahan-kemudahan bandar. Pembangunan bandar yang berasas kepada pembangunan pertanian ini juga akan membolehkan penduduk-penduduknya

mengambil bahagian di dalam kegiatan-kegiatan perniagaan dan perusahaan ke arah mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Sehingga bulan September tahun 1977, DARA telah menyiapkan kerja perancangan bagi 14 daripada 17 buah bandar yang akan dilaksanakan sehingga akhir Rancangan Malaysia Ketiga. Kerja-kerja yang dijalankan ini adalah untuk menyiapkan tapak-tapak Bandar pembinaan jalan, longkang, saluran najis dan air paip.

Di 3 buah bandar pembangunan perumahan seperti kedai telah dimulakan. Kemudahan-kemudahan sosial seperti sekolah, kelinik kesihatan, pos dan dewan juga telahpun disediakan.

Bagi pembangunan infrastruktur pula, pembangunan jalan penting di Kawasan Pahang Tenggara ini, iaitu Lebuhraya Kuantan-Segamat (90 batu), Jalan Keratong-Bahau (38 batu), Ibam-Rompin (45 batu) adalah di dalam pelaksanaan.

Projek bekalan air yang pertama yang melibatkan 4 buah bandar sedang dijalankan. Projek-projek kedua dan ketiga yang melibatkan 10 buah bandar telahpun siap direkabentuk.

Bagi pembangunan pertanian pula, seluas 510,000 ekar tanah telahpun diluluskan untuk pertanian dan dari jumlah ini seluas 460,000 ekar telahpun diuntukkan bagi tanaman kelapa sawit, 19,000 ekar getah dan 31,000 ekar untuk tanaman-tanaman lain.

Dari segi perindustrian, sehingga kini 13 buah syarikat telahpun ditubuhkan bagi menjalankan perusahaan yang berasaskan pertanian, perkayuan dan sumber hasil bumi. 12 daripada syarikat-syarikat ini merupakan usaha bersama. Projek-projek ini dijangka berupaya untuk mengujudkan lebih daripada 6,000 pekerja.

Kerja-kerja perancangan yang telah dijalankan hingga tahun 1976 dan mula dilaksanakan dalam tahun 1977 kini telah membawa banyak kemajuan fizikal dan sosial. Ianya telah menghasilkan seramai 20,000 penduduk daripada 12,300 pekerjaan di dalam pelbagai projek yang sedang dijalankan.

#### *Pecahan Kelapa 11 — Lembaga Kemajuan Johor Tenggara — \$61,125,930*

Bagi tahun 1978 jumlah peruntukan KEJORA ialah \$61,125,930. Dari jumlah ini \$43,164,900 secara langsung dan \$17,961,030 sebagai pinjaman.

#### *Belanja Mengurus*

Peruntukan KEJORA bagi Belanja Mengurus untuk tahun 1978 ialah \$3,164,900. Peruntukan ini adalah dikehendaki untuk membiayai gaji pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Lembaga.

#### *Kemudahan-kemudahan*

Sebanyak \$16 juta secara langsung dan \$1 juta pinjaman adalah dikehendaki bagi meneruskan rancangan pembangunan dalam bandar-bandar baru seperti Bandar Tenggara, Bandar Penawar dan Bandar Mas. Pinjaman tersebut dikehendaki untuk perbelanjaan "internal recticulation" bagi bekalan air.

#### *Pinjaman*

Sebanyak \$8.461 juta pinjaman dipohonkan sebagai pelaburan equiti oleh KEJORA bagi tahun 1978 untuk meneruskan projek-projek KEJORA dalam bidang pertanian seperti tanaman kelapa sawit, getah dan okid.

KEJORA menghendaki \$3 juta untuk meneruskan rancangan rumah murah, \$23 juta untuk jalan-jalanraya dan \$5.5 juta bagi meneruskan bekalan air dan \$1 juta bagi pelaksanaan bekalan letrik.



### *Perlaksanaan KEJORA Sehingga Bulan September, 1977 Pertanian*

Pada keseluruhannya, luas kawasan yang diusahakan dalam kawasan KEJORA sehingga bulan September, 1977 berjumlah kira-kira 135,057. Sehingga akhir tahun 1976, dalam bidang pertanian bagi ketiga-tiga sektor ini iaitu agensi-agensi Kerajaan, usahasama dan sektor swasta jumlah perbelanjaan pembangunan dianggarkan berjumlah sebanyak kira-kira \$85.8 juta.

Sehingga akhir bulan September, 1977 seluas 83,839 ekar telah ditanam dengan kelapa sawit dan seluas 8,370 ekar dengan getah. Sementara bakinya seluas kira-kira 6,685 ekar dimajukan dengan tanaman-tanaman lain seperti buah-buahan, sayur-sayuran, okid, kacang soya, rumput, rempah-rempah, koko, pokok pine, ternakan ayam, lembu daging, lembu susu dan lain-lain.

### *Kompleks Pelancungan*

Kerja-kerja pembinaan bagi Pusat Kemudahan Pelawat Harian telahpun dimulakan dalam bulan Ogos, 1974. Sehingga ini sebuah restoran, bilik tukar pakaian, gerai-gerai dan 25 buah chalet telah siap dibina. Perniagaan baki kompleks ini telah dimulakan dalam bulan Februari, 1977. Kerja-kerja pembinaan bagi hotel-hotel kelas pertama dan sederhana akan dimulakan dalam tahun 1978. Pembangunan bandar dan pekan-pekan baru seperti Bandar Tenggara, Bandar Panawar dan Bandar Mas adalah berjalan di dalam berbagai-bagai perlaksanaan.

### *Pembinaan Infrastruktur*

Dari sepanjang jalan sejumlah kira-kira 188 batu yang dirancangan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kedua, sehingga akhir bulan September, 1977 sepanjang kira-kira 134 batu jalanraya termasuk Lebuhraya Penggerang dan jalan Felda/Air Tawar yang sedang dibina pada peringkat "formation" telah mencapai kemajuan purata kira-kira 75% siap. Jumlah perbelanjaan pembangunan bagi pembinaan jalanraya utama dan jambatan yang diseleng-

garakan oleh Jabatan Kerjaraya sehingga akhir bulan September, 1977 dianggarkan sebanyak kira-kira \$46.3 juta.

Bagi bekalan letrik, sehingga akhir bulan September, 1977 kerja-kerja merancang dan pembinaan sedang giat dijalankan oleh pihak Lembaga Letrik Negara bagi menyediakan bekalan letrik ke Bandar Tenggara dan Bandar Penawar. Sehingga akhir bulan September, 1977 kira-kira \$3.8 juta telahpun dibelanjakan.

*Pecahan Kepala 12 — Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah — \$14,640,700 (Peruntukan bagi tahun 1977 ialah \$19,107,620)*

Bagi tahun 1978, Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah (KETENGAH) akan diperuntukkan sejumlah \$14,640,700 yang terdiri daripada \$9,156,500 sebagai pemberian secara langsung dan \$5,484,200 sebagai pinjaman.

Sebahagian besar daripada pemberian secara langsung iaitu sebanyak \$6,432,090 adalah diperuntukkan bagi perkara-perkara di bawah Pecahan Kepala Kemudahan-kemudahan. Pada tahun 1978 ini, Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah akan meneruskan kerja-kerja pembinaan 5 buah bandar-bandar baru yang dikenali sebagai Durian Mas, Rasau Kerteh, Cheneh, Bukit Besi dan Ulu Chukai di dalam kawasannya.

KETENGAH juga memerlukan peruntukan sebanyak \$2,724,410 bagi menampung keperluan Belanja Mengurus dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan pentadbiran harian Lembaga. Daripada jumlah ini sebanyak \$1,605,890 adalah diperlukan untuk pembayaran gaji-gaji dan upahan kepada kakitangan-kakitangan Lembaga yang dijangka akan meningkat dari 143 orang dalam tahun 1977 kepada 167 orang pada tahun 1978. Sejumlah \$856,840 daripada peruntukan ini adalah untuk pembayaran perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan yang termasuk antara lain perbelanjaan perjalanan kakitangan, sewaan, penyelenggaraan dan pembekalan.

KETENGAH juga akan melaksanakan berbagai-bagai projek pertanian, perumahan dan lain-lain projek perusahaan di kawasannya pada tahun 1978. Pinjaman sebanyak \$5,484,200 diperuntukkan yang mana sejumlah \$2,718,100 ialah untuk projek perumahan dan \$2,766,100 bagi projek pertanian dan projek perusahaan yang lain. Kebanyakan daripada projek-projek ini dilaksanakan oleh Lembaga ini melalui usahasama dengan pihak swasta atau lain-lain agensi Kerajaan. Oleh yang demikian, peruntukan pinjaman tersebut adalah merupakan peruntukan bagi membiayai ekuiti Lembaga ini di dalam projek projek usahasama.

*Pecahan Kepala 25 — Penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia-Indonesia di Sarawak dan Sabah — \$1,000,000*

Penentuan dan ukuran sempadan ini telah dimulakan pada 9hb September, 1975 dan kemajuan yang telah dicapai adalah seperti berikut:—

*Sarawak — Kalimantan Barat*

Jarak sempadan yang telah diukur dan ditanda sehingga bulan September, 1977 adalah 208.3 km atau 129.5 batu.

*Sabah — Kalimantan Timur*

Jarak sempadan yang telah diukur dan ditanda sehingga bulan Ogos, 1977 adalah 106.35 km atau 66.10 batu.

Anggaran Perbelanjaan yang dikehendaki bagi tahun 1978 sejumlah \$1,000,000 akan digunakan untuk pembayaran gaji dan elaun Buruh, Perjalanan dan Pengangkutan Orang, Perhubungan dan lain-lain.

*Pecahan Kepala 31 — Penentuan Tanda Sempadan Antarabangsa di antara Malaysia/Thailand*

Projek ini yang telah dimulakan dalam bulan Julai 1973.

Ingin saya menjelaskan di sini bahawa Sempadan Malaysia/Thailand adalah sepanjang 575 km. Ini termasuk 482 km. sempadan tanah dan 93 km. sempadan sungai. Penentuan dan pengukuran ini dijalankan bersama oleh Pasukan Ukur Malaysia dan Pasukan Ukur Thailand. Sehingga akhir bulan Ogos, 1977 penentuan dan pengukuran yang telah siap ialah 178.1 km. (110.7 batu). Penentuan dan pengukuran ini akan memakan masa memandangkan kepada keadaan tempat dan keselamatan pada masa sekarang.

Anggaran perbelanjaan yang telah disediakan itu bagi tahun 1978 akan digunakan untuk menemui tuntutan perjalanan dan pengangkutan orang dan pembelian bahan-bahan.

Adalah dasar Kerajaan untuk memberi ketutamaan yang tinggi kepada ukuran dan pemetaan untuk pembangunan dan pertahanan. Dasar ini adalah dijalankan dengan sesungguhnya.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

4.05 ptg.

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Pengerusi, di dalam membincangkan peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, terlebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada usaha yang telah dibuat oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan di dalam saya menyampaikan tahniah saya itu, saya ingin menyentuh Kepala P. 66, Butiran 1.

Mengikut laporan yang telah disampaikan kepada semua Ahli-ahli Dewan Rakyat ini ia itu Laporan FELDA tahun 1976 kita dapati bahawa pada hujung tahun 1976 lebih kurang ada 737 ekar yang telah diusahakan oleh FELDA dan dengan performance yang telah ditunjukkan dan digambarkan oleh FELDA di dalam Laporan ini tidak boleh kita nafikan

bahawa FELDA adalah one single unit yang terbesar memiliki ladang getah dan juga kelapa sawit. Itulah sebabnya saya katakan setinggi-tinggi tahniah kita beri kepada semua, daripada Menteri, Timbalan Menteri, Pengurus Besar dan pegawai-pegawainya atas usaha yang begitu cemerlang; yang baik itu saya baikan juga. Tidaklah hairan, Tuan Pengerusi, kalaulah Timbalan Menteri Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini di mana-mana dia pergi dikenali bukan sebagai doktor si anu-si anu, tetapi Doktor FELDA kerana popularnya.....

**Tuan Pengerusi:** Doktor KELDA atau FELDA?

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Doktor FELDA. Di dalam Laporan ini ada menunjukkan bahawa pada hujung tahun 1977 seramai 18,340 keluarga masih menunggu, belum ditentukan tempatnya di dalam rancangan FELDA dan ada juga dilaporkan bahawa tiap-tiap 5 tahun iaitu daripada tahun 1976 hingga 1980 di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ini target hendak dicapai oleh FELDA ialah 5,100 tiap-tiap tahun menempatkan keluarga-keluarga yang menunggu ini. Pendekata lebih kurang 25,000 keluarga dalam tempoh saya katakan tadi iaitu tahun 1976-1980.

Tuan Pengerusi, apa yang saya suka bawa kepada perhatian Kementerian yang berkenaan ialah ratusan ribu lagi keluarga yang telah membuat permohonan tetapi masih belum ditemuduga dan masih lagi belum ditentukan. Rancangan-rancangan FELDA sungguh mendapat sambutan baik daripada mereka yang tidak ada mempunyai tanah kerana di situlah segala rancangan infrastruktur disediakan dan mereka ini masuk dengan senang dan serba-serbi diuruskan. Kalaulah hanya target 5,100 keluarga sahaja dalam satu tahun, bermakna akan memakan masa yang begitu lama kelak untuk kita menentukan tempat orang yang menunggu dan orang yang masih lagi belum ditentukan. Oleh itu, saya harap dapat pihak Kementerian menambah target ini daripada

5,000 misalannya kepada 10,000 tiap-tiap tahun.

Selain daripada itu, saya suka menyentuh berkenaan dengan satu perkara iaitu sebagaimana yang di bawah Butiran 1 ada menyatakan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini, bukan sahaja membuka tanah untuk tanaman getah, kelapa sawit dan sebagainya, tetapi juga mengadakan infrastruktur dan sebagainya yang memakan belanja yang besar.

Tuan Pengerusi, bukanlah di dalam apa yang saya syor kelak tujuan saya supaya dihentikan rancangan FELDA dan buat cara lain, tidak. Tetapi di samping FELDA ini meneruskan usaha-usahanya yang ada sekarang, elok juga FELDA memainkan peranan yang lain, iaitu membeli estet baik pun getah ataupun kelapa sawit yang hendak dijual. Semua serba-serbi sudah ada; tanah ada, infrastruktur dan lain-lain ada, belilah sungguhpun mahal tetapi in the long run adalah ekonomikal. Bukan untuk diberi kepada Raja Nasron, kepada Haji Suhaimi, si Ahmad atau si Abdullah tetapi beri ataupun jual dengan harga yang macam mana dibeli itu kepada koperasi-koperasi. Dan dengan cara ini, sudah diambil alih sahaja oleh koperasi, esok paginya koperasi boleh meneruskan atau menyambung usahanya dengan membayar semula daripada hasil yang sudah didapati oleh ladang-ladang itu. Ini satu cara yang lain dan saya berharap saya tidak hendak mendengar nanti jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan perkara ini tidak lojik, tetapi saya hendak mendengar jawapan bahawa beliau akan difikirkan, Insya Allah.

Tuan Pengerusi, di sini juga ada satu penyata daripada Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara. Kita sekarang dalam tahun 1977 tetapi Laporan ini adalah Penyata Kira-kira bagi tahun berakhir Disember 1972. Tidak mengapalah. Daripada ini juga kita boleh menganalisa usaha-usaha yang dibuat oleh Lembaga tersebut. Lembaga tersebut hasratnya baik, iaitu tanah Malay Reservation yang tergedai, satu daripada

fungsi Lembaga ini, untuk menebusnya. Ini bagus. Tetapi di samping itu juga saya mengesyorkan Lembaga ini membuat peranan yang lain kerana bukan sahaja tanah Malay Reservation yang dimiliki oleh bumiputra ataupun orang Melayu kadangkala tergadai, kerana beberapa sebab, tetapi tanah-tanah yang bukan di dalam kawasan Malay Reservation yang dipunyai oleh Melayu pun ada tergadai, terjual dan harap kerana ada beberapa permohonan untuk mendapatkan bantuan daripada Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, tidak dapat diberi layanan kerana syaratnya tanah itu tidak termasuk dalam Malay Reservation, saya berharap dapat perkara ini diberi perhatian dan pertimbangan.

4.14 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Kepala B. 66, Butiran 1100 — Gaji dan Upahan, Aktiviti (3) Tanah Persekutuan.

Di sini saya ingin menyentuh Jabatan Tanah yang ada sekarang.

Tuan Pengerusi, di antara Jabatan-jabatan Kerajaan saya terpaksa menyatakan bahawa Jabatan Tanah ialah jabatan yang selalu menimbulkan rasa tidak puas hati yang amat sangat kepada orang ramai khususnya pengusaha-pengusaha atau pemaju-pemaju. Perkara yang merupakan punca utama yang menyebabkan rasa tidak puas hati ini oleh kerana semua pejabat-pejabat tanah di seluruh negara kita tidak dapat bergerak dengan cergas kerana terdapat kelambatan dan juga red tape berkaitan dengan pendaftaran dokumen-dokumen yang patut didaftarkan dan juga terdapat masalah-masalah mengenai penukaran kegunaan tanah, perkara membahagikan tanah (sub-division) dan pengeluaran surat hakmilik (qualified title). Kelambatan dialami apabila pemohon-pemohon ingin memohon untuk menukar kegunaan tanah pertanian kepada tanah pembangunan.

Adalah menjadi satu kebiasaan bahawa pemaju-pemaju terpaksa menunggu selama empat lima tahun dan kadangkala sampai lapan hingga sepuluh tahun sebelum mereka boleh mendapat kelulusan permohonan mereka untuk menukarkan kegunaan tanah.

Pada anggapan saya salah satu solusi kepada masalah penukaran kegunaan tanah ialah dengan mengadakan pelan-pelan zon untuk kegunaan tanah bagi semua pusat-pusat bandar dan sekelilingnya dan cara-cara untuk mencapai tujuan ini boleh didapati di dua Akta yang telah diwartakan oleh Kerajaan.

Pertama ialah Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang memperuntukkan penubuhan Majlis Perbandaran di mana bidang kuasanya meliputi setiap inci tanah yang terletak di negeri ini tidak termasuk Wilayah Persekutuan yang ditadbirkan di bawah Akta Ibu Kota Persekutuan 1960 (the Federal Capital Act, 1960).

Kedua, ada terdapat Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 yang memperuntukkan bahawa setiap Pihak Berkuasa Tempatan akan menjalankan satu kajian sosio-ekonomi di atas kajian itu satu pelan struktur akan diadakan. Sungguhpun terdapat dua Akta ini malangnya tidak satu negeri pun yang telah menerima Akta Kerajaan Tempatan dan juga Akta Perancang Bandar dan Desa biar pun kerja untuk menyiapkan merancang strukturnya. Malah Wilayah Persekutuan sendiri tidak mempunyai satu pelan zon mengenai kegunaan tanah yang comprehensive sungguhpun langkah sedang diambil untuk menyediakan pelan tersebut dalam masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, satu aduan lain yang selalu timbul terhadap Pejabat Tanah ialah usaha untuk mendapatkan Surat Hakmilik Dibahagi (sub-divided title) mengambil masa yang amat panjang dan mengambil beberapa tahun sungguhpun pelan-pelan telahpun dihantar kepada jabatan yang berkenaan. Ini sangat mendukacitakan. Oleh sebab selepas kajian

pengeluaran surat hakmilik dibahagi ialah satu usaha yang boleh diuruskan oleh seorang kerani dan tidak memerlukan satu keputusan yang penting. Kelambatan telah berlaku oleh kerana dua sebab. Yang pertama ialah kelambatan ini telah berlaku mungkin oleh sebab kekurangan kakitangan dan sebab yang kedua ialah kerana kurang kecekapan. Sekiranya sebab utama adalah benar, mengapa Pejabat Tanah tidak menambah kakitangannya, sekiranya masalah ini tidak timbul maka sebab yang sebenarnya ialah kurang kecekapan.

Selain daripada ini saya ingin menyebut masalah berkait dengan Pejabat Tanah di Wilayah Persekutuan di mana oleh kerana Pejabat tersebut melambatkan kerja meluluskan projek-projek kepada pelan-pelan pembangunan, pihak Dewan Bandaraya tidak dapat membina dan menyiapkan projek-projeknya khasnya projek-projek perumahan kos rendah. Saya faham bahawa pada masa sekarang tidak ada kerjasama yang cukup diberikan kepada pihak Dewan Bandaraya oleh Pejabat Tanah dan oleh yang demikian projek-projek tidak dapat dilaksanakan dengan secepatnya. Oleh sebab masalah-masalah yang telah saya katakan tadi saya menggesa Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan untuk menggunakan jasa baiknya untuk menyasiat perkara itu dan juga mencari jalan bagi membantu mengatasi masalah-masalah tersebut yang serius dan memerlukan penyelesaian dengan secepat mungkin.

Di samping itu saya berasa bahawa masanya telah tiba juga bagi Kerajaan memberi satu pandangan yang kritikal terhadap pentadbiran dan perjalanan kerja di sesebuah Pejabat Tanah di negara kita untuk mendapat tahu samada keadaan-keadaan yang wujud sekarang adalah menghalang pembangunan di negara kita, dan dengan yang demikian boleh menjejaskan objektif-objektif di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Saya anggap ini ialah satu perkara yang penting oleh sebab ada banyak hal-hal yang bergantung kepada Jabatan Tanah dan saya berharap bahawa

Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bolehlah mengadakan satu penyiasatan yang mendalam atas hal ini dan juga mencari apa-apa langkah yang sewajarnya bagi mengatasinya.

Perkara yang akhir saya ingin sentuh ialah mengenai hal tanah juga, iaitu saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada tindakan tipu-helah yang kadangkala dilakukan oleh sebahagian syarikat-syarikat yang mengeluarkan iklan-iklan dalam suratkhbar tempatan berhubung dengan penjualan tanah untuk perumahan. Iklan-iklan dalam suratkhbar itu adalah membawa pengertian kepada orang ramai bahawa syarikat-syarikat tersebut ada mengusahakan rancangan kemajuan tanah untuk tapak rumah, dan tanah-tanah tersebut boleh dibeli oleh orang ramai dengan harga yang rendah dan dengan cara bayaran ansuran bulanan yang mudah. Sebenarnya, Tuan Pengerusi, tanah-tanah yang hendak dijual dan diiklankan dalam suratkhbar itu bukanlah tanah-tanah untuk tapak rumah.

Dalam sidang Parlimen yang lepas saya ada membangkitkan satu contoh yang mana ada sebuah syarikat bernama Syarikat Sri Alam Sdn. Bhd., di mana mereka telah mengiklankan dalam suratkhbar mengenai tanah-tanah yang hendak dijual kepada orang ramai. Sungguhpun syarikat itu memiliki tanah-tanah itu dan telah membuat satu iklan dalam suratkhbar, akan tetapi hakmilik diberi syarat bahawa tanah-tanah itu hanya boleh digunakan untuk perusahaan pertanian sahaja dan tidak boleh digunakan untuk pembinaan rumah. Dan semasa syarikat itu mengeluarkan iklan-iklannya sebarang tindakan belum diambil untuk memohon mendapatkan kelulusan untuk menukarkan kegunaan tanah itu. Pendekata iklan-iklan yang dikeluarkan itu menyesatkan kerana pembeli-pembeli tanah-tanah itu tidak diberi satu jaminan bahawa mereka akan tetap dibenar membina rumah di atas tanah yang dibeli itu, dan mereka juga tidak difahamkan bahawa samada mereka akan dapat membina rumah di atas

tanah yang dibeli itu adalah bergantung sebulat-bulatnya kepada kuasa budibicara pihak yang berkuasa yang berkenaan. Untuk menentukan samada permohonan yang dikemukakan kelak atau sekarang oleh syarikat ini bagi menukarkan syarat boleh atau tidak boleh diluluskan oleh pihak yang berkenaan. Saya anggap bahawa perkara yang saya sebut di sini adalah satu perkara yang penting oleh sebab ini ialah satu hal yang melibatkan orang ramai oleh sebab di Parlimen sekarang apabila negara kita dan khasnya di dalam kawasan Kuala Lumpur Bandar yang mana ramai penduduk-penduduk menghadapi masaalah kekurangan rumah dan oleh sebab iklan-iklan itu telah dikeluarkan dalam suratkhbar mereka telah membuat permohonan, tetapi syarikat itu belum mendapat kelulusan daripada pihak yang berkenaan.

Saya anggap bahawa contoh ini ialah satu contoh yang serius dan saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri juga dapat menyiasat dan dapat memberi satu penjelasan atas hal ini dalam Dewan ini.

4.28 ptg.

**Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang):** Tuan Pengerusi, saya juga turut menyokong bekalan Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah, dan izinkan saya menyentuh Kepala B. 66, Butiran 1100, Aktiviti (2) — Ukur.

Tuan Pengerusi, masaalah tanah banyak telah diperkatakan dalam Dewan ini dan saya berpendapat dalam bahagian ini iaitu bahagian ukur juga adalah satu faktor yang menyebabkan masaalah tanah begitu rumit dan terbengkalai dan tidak dapat diproses dengan begitu cepat. Masaalahnya saya difahamkan bahawa perkara ukur adalah bergantung semata-mata apa yang ada keupayaan bagi peringkat negeri. Di peringkat negeri pula pasukan itu tidak begitu ramai dan kemampuannya untuk menyelenggara dan memudahkan kerja-kerja ukur dalam perkembangan tanah di dalam sesebuah negeri itu menye-

babkan lambat dan menyebabkan ketinggalan masa dan sebagainya sehinggalah keadaannya apakala kita buka satu rancangan katakanlah 200-300 ekar maka rancangan itu tidak dapat dimulakan atau dijalankan sehinggalah mengambil masa 2-3 tahun. Begitu jugalah tanah-tanah individu, tanah-tanah perseorangan yang telah lama dikeluarkan maka tidak dapat hakmilik oleh kerana faktor iaitu tidak dapat batu sempadan kerana tidak dapat diukur mengikut ketentuan hakmilik mereka.

Di sini saya merakulah kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat memberikan pasukan tambahan atau cara mana supaya pelaksanaan kerja-kerja ukur ini dapat dcepatkan dan dapat menyempurnakan pembahagian-pembahagian tanah kepada hakmilik orang yang telah mendapat tanah dan rancangan-rancangan kecil yang telah dijalankan oleh negeri-negeri.

Beralih saya kepada P. 66, muka surat 491, Butiran 7 — Rancangan-rancangan Tanah Belia. Saya mendapati amat penting perkara ini bagi Kementerian memikirkan satu jalan kepada belia-belia kita yang lepasan sekolah, belasan tahun yang masih bujang, tidak ada isteri dan tidak ada tempat. Mereka ini ada minat dalam pertanian, dalam hendak memiliki dan hendak mempunyai harta sebidang dua tanah tetapi tidak ada tempatnya atau tidak ada kemampuan untuk mendapatkan di mana hendak dapat tanah. Seperti FELDA cuma diuntukkan kepada mereka yang sudah beristeri, yang sudah berumur tetapi bagi belia-belia di bawah umur ini mereka tidak ada tempat dan mereka ini pula kalau tidak difikirkan sesuatu iaitu diberi harta, tidak diberi tanah, mengikut orang-orang kampung mereka suka bertanah, ini akan menimbulkan social problem juga dan ini akan menambahkan masaalah kepada negara, satu daripada jalannya kalau kita tidak tempatkan mereka ini.

Pada faham dan pendapat saya, Tuan Pengerusi, rasa saya ada baiknya Lembaga Kemajuan Tanah Pusat memikirkan satu

jalan dan membuat satu rancangan dan berunding dengan Jawatankuasa Tanah Negeri supaya tiap-tiap negeri itu diadakan rancangan untuk belia yang saya katakan tadi. Jadi sudah barang tentu belia ini tidak terbiar dan sebahagiannya dapat mempunyai harta dan daripada ini dapat kita memperbesar lagi rancangan-rancangan tanah di dalam negara kita. Masalah belia dapat kita selesaikan dan di samping itu dapat kita membesarkan kemajuan atau perusahaan tanah di dalam rancangan Kementerian untuk membuat perkembangan mengeluarkan tanah kepada rakyat dalam negara ini. Ini saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat mengambil perhatian dan membuat satu rancangan yang berkesan, viable dan ekonomik kepada rancangan belia ini.

Lagi satu di tempat saya ada satu rancangan tanah belia dan sudah diberikan kepada belia-belia tetapi malangnya tidak ada follow-up, tidak diberikan perhatian yang dekat lagi dan mereka ini terbiar begitu dan mengharapkan tenaga belia yang di luar kemampuannya untuk memperbaiki hasil tanaman dan sebagainya. Yang anih sekali, Tuan Pengerusi, tanah belia yang begitu baik dan kemajuan yang telah begitu menunjukkan bukti dan kenyataan yang boleh memberikan confidence, akan tetapi dengan tidak ada follow-up maka membawa kepada kemerosotan.

Saya biasa tengok dua tiga rancangan belia yang dibuat oleh negeri tidak ada follow-up, masalahnya macam infrastructure, seperti jalan terutamanya, tempat yang saya katakan tadi masih lagi jalan tanah merah dan sebagainya. Ini melemahkan kemajuan dan kehendak inisiatif belia itu mengerjakan atau pergi ke tempat kawasan tanah yang telah diberikan. Tanah ini biasanya bukannya dekat dengan jalanraya, terpaksa masuk sampai 20-30 batu jauh ke dalam, tidak ada jalan yang sempurna untuk pergi ke tempat itu, apa lagi transport sudah tentulah menggunakan basikal dan berjalan kaki sahaja. Kalau Kementerian ini benar-benar dalam maksud

Butiran 7, iaitu ada usaha hendak mengembangkan tanah kepada belia, saya haraplah mengambil perhatian berat dan memberi bantuan yang sewajarnya supaya rancangan-rancangan ini dapat dimajukan dengan begitu baik.

#### 4.35 ptg.

**Tuan Oo Gin Sun (Alor Setar):** Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di bawah Kepala P. 66, muka surat 490, Butiran 1 — Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan; Butiran 3 (i) Kelapa Sawit; (ii) Tanaman Getah; dan Butiran 9 — Rancangan Kemajuan Tanah.

Tuan Pengerusi, didapati daripada Laporan Ekonomi 1977/78 jumlah pengeluaran getah Malaysia ialah 47% pengeluaran getah dunia dan pengeluaran getah Malaysia dianggarkan kelak meningkat kepada 1.74 tan metrik dan rancangan-rancangan FELDA sahaja mengeluarkan sebanyak 40% daripada jumlah pengeluaran getah Malaysia dan bagi pengeluaran minyak kelapa sawit pula, jumlah pengeluaran dianggar meningkat 1.65 tan metrik iaitu sumbangan sebanyak lebih kurang 46% daripada pengeluaran minyak kelapa sawit dunia dan FELDA ialah satu-satunya Pengeluar yang terbesar di dalam negara ini dan menyumbangkan sebanyak lebih kurang 25.3% dari jumlah pengeluaran Malaysia. Dan di dalam ke semua rancangan-rancangan tanah, kita dapati lebih daripada 95% penghuni-penghuninya datang dari satu sektor daripada sebegitu banyak kaum-kaum. Keadaan seumpama ini sangat-sangatlah tiada berpadanan. Kita semua tahu bahawa rancangan-rancangan dan projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Ketiga ialah untuk membasmikan kemiskinan dan bagi memperuntukkan tanah kepada yang tiada bertanah dan rakyat yang miskin di luar bandar.

Kemiskinan mengatasi rupa bangsa dan kemiskinan menyeluruh ke semua sektor

pelbagai kaum. Amatlah mustahaknya manakala dibuka rancangan-rancangan tanah, ianya tiada boleh tertumpu kepada sesuatu kaum sahaja. Sepatutnya ada pembahagian yang berpatutan lagi saksama kepada semua kaum. Telahpun diperkatakan di dalam Dewan ini bahawa terlalu sedikit sekali rakyat Malaysia keturunan Cina yang telahpun bermohon kepada rancangan-rancangan seperti tersebut, maka oleh itu cuma sedikit sekali penghuni-penghuninya. Saya percaya jika dakwah dan penerangan dilaksanakan dengan sewajarnya, mereka yang tiada bertanah, apa jua kaumnya akan memohon. Kita semua ketahui bahawa dasar atau polisi Kerajaan kita ialah hendak menyatukan masyarakat kita sebab terdapat beberapa kaum yang tinggal di negara kita ini dan membuka rancangan-rancangan tanah kepada ke semua kaum boleh menjadikan ianya satu daripada beberapa cara untuk menyatupadukan pelbagai kaum yang berada di dalam masyarakat kita. Saya berharap Pegawai-pegawai kita di dalam Kementerian Tanah akan mengambil langkah-langkah bagi memperbetulkan keadaan yang kurang sihat ini supaya pada masa-masa ke hadapan ini, ke semua rancangan-rancangan tanah kelak mempunyai para perwakilan daripada pelbagai kaum yang berpadanan.

4.40 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, di samping saya menyokong peruntukan yang diminta oleh Kementerian yang berkenaan iaitu saya sukalah bercakap berkenaan dengan Pentadbiran Am. Walaupun hal tanah negeri ialah kuasa Kerajaan Negeri tetapi saya dapat tahu selalu bagi pihak Kanun Tanah Negara ataupun Menteri Tanah telah memanggil pihak Menteri-menteri Besar dan juga termasuk Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tanah mengadakan perjumpaan-perjumpaan di Kuala Lumpur yang mana saya yakin tentulah bila dipanggil Pesuruhjaya Tanah tiap-tiap negeri itu datang bersama tentulah ada masalah-masalah yang dibangkitkan harus sama termasuk dengan masalah tanah negeri. Kita sama-sama

maklum masalah tanah negeri sekarang boleh dikatakan tiap-tiap negeri amatlah rumit maka dengan sebab itu saya berharap jikalau diadakan perjumpaan-perjumpaan dengan Pesuruhjaya Tanah, saya berharaplah pihak Kementerian yang berkenaan dapat juga mengatasi sama terutama di soal yang mana permohonan-permohonan tanah di tiap-tiap negeri boleh dikatakan tidak selesai sehingga ada yang sampai 17 — 18 tahun. Saya tegaskan sekali lagi, walaupun ini hak Kerajaan Negeri tetapi ada penyelarasan bersama dengan Kementerian yang berkenaan. Di atas penyelarasan inilah saya berharap sangat apa-apa yang kuasa itu kalaulah kekurangan pegawai misalnya Negeri Perlis kerana kekurangan pegawai dan kalau hendak ditambah pegawai wangnya tidak cukup maka ini dimintalah ikhlas ihsan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menambahkan pegawai dengan peruntukan wang daripada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, beralih saya kepada P. 66. Saya juga turut mengucapkan tahniah kerana dalam Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) ini boleh dikatakan banyak rakyat yang mendapat mata pencarian yang lebih baik dengan masuknya Rancangan Persekutuan ataupun Rancangan FELDA. Ada di antara peserta-peserta FELDA yang mendapat lebih daripada \$300 ataupun ada setengahnya musim harga getah naik melayang kata orang Perlis wang \$50 itu di poket peserta-peserta FELDA. Begitulah mewahnya jikalau getah ini terlampau mahal. Jadi, dengan sebab itu saya berharap rancangan ini patutlah diperkemaskan dan patut diluaskan lagi sebagaimana kata Yang Berhormat Menteri tadi asal-kan sahaja di tempat mana ada tanah yang kosong patutlah dibuka dengan serta-merta kerana kita dapati banyak permintaan-permintaan yang telah bertimbun-timbun yang tidak dapat ditunai dan yang amat menyedihkan ada pihak-pihak yang menyatakan ada permohonan-permohonan yang terkemudian dapat dan yang terdahulu tidak dapat. Ini saya yakin bukanlah semua sekali, saya tidak tuduh Timbalan Menteri. Ini disusun ataupun



dibuat oleh kebanyakan pegawai bukanlah semua Timbalan Menteri hendak kena buat. Dengan sebab itulah saya berharap sangat kalau boleh kita atasi hal itu dan biarlah kita mengikut tertib, kalau yang dahulu kita dahulukan dan yang kemudian itu kita kemudiakan, barulah keadaan itu betul.

Satu lagi saya mengucapkan terima kasih yang amat sangat kerana dalam Rancangan FELDA ini Perlis juga telah mendapat habuan iaitu tanaman tebu dan juga baru-baru ini saya dapat tahu pihak Kementerian yang berkenaan telah membuat rumah rancangan yang lebih, setakat hari ini yang saya dapat tahu sudah hampir 400 buah rumah yang dapat menempatkan kepada penduduk-penduduk di Negeri Perlis. Saya ucapkan tahniah tetapi saya berasa dukacita sedikit kalau boleh dan saya yakin semuanya akan menempatkan anak Perlis dan baru-baru ini telah diberi borang untuk diisi hendak menempatkan anak-anak ini.

Walaupun saya anak Perlis sendiri tetapi saya berharap kita buat keadilan ataupun kita ada keistimewaan kerana dalam Rancangan FELDA tanah FELDA yang diambil ini boleh dikatakan kebanyakan tanah-tanah ini diduduki ataupun telah diusahakan oleh penduduk-penduduk Perlis terutama yang berhampiran dengan tanah yang berkenaan tetapi malangnya minta buat geran sudah bertahun-tahun tidak dapat, maka mereka ini berusaha dengan sendiri dan ada di antara tanah ini yang sudah diusaha. Tetapi oleh kerana rancangan Kerajaan mengambil tanah yang berkenaan tidak dapat tidaklah pihak-pihak yang berkenaan diberi kepada Kerajaan samada suka atau tidak tanah ini mesti diambil juga. Dengan sebab itu, saya berharap di masa hendak menempatkan peserta yang berkenaan berilah keutamaan kepada orang-orang yang tanahnya telah diambil untuk dijadikan Rancangan FELDA dan kepada orang yang bersekelilingan di situ kerana dalam syaratnya saya dapat tahu kerana ada banyak, satu umurnya yang tidak lebih

daripada 35 tahun — kalau tidak silap saya, bagi orang yang berdekatan itu kita kecualikan sedikit janganlah 50 tahun ke atas kerana 50-60 tahun ini fikirannya baik tetapi manusia itu hendak mencangkul dan memugar tentulah anggotanya kurang sedikit. Tetapi saya berharaplah syarat yang ditetapkan pada umur itu patutlah diberi kelonggaran kepada orang-orang yang berhampiran dengan tanah apatah lagi kepada tanah mereka yang telah diambil.

Saya berharap juga Rancangan FELDA ini walaupun sedikit wang-wang yang didapati oleh rancangan FELDA samada perusahaan-perusahaan yang besar-besar seperti di Pahang itu diambil sedikit sebanyak daripada pemulihan tahun ini menjadi koperasi untuk mereka sendiri dan kalau boleh biarlah industri dibuat seperti kilang dan sebagainya yang ada sedikit-sebanyak peruntukan yang ditanam sama oleh persatuan-persatuan tadi walaupun tidak 100% tetapi kadar yang berpatutan....

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, saya ada dapat isyarat di sini ucapan Yang Berhormat tidak jelas kepada Penterjemah-penterjemah Serentak. Cuba jelaskan.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Jadi, saya cadangkan, Tuan Pengerusi, biarlah sebahagian daripada apa yang didapati oleh peserta-peserta tadi wang mereka ini disalurkan juga dalam industri seperti kilang dan sebagainya. Maksud saya janganlah semata-mata peserta FELDA ini dapat wang habis tempoh ataupun habis segala rancangan tidak ada perusahaan yang besar-besar. Jikalau ada rancangan kilang dan sebagainya itu untuk perusahaan-perusahaan lain, biarlah peserta ini dapat syer sama walaupun tidak banyak buat ala kadar yang berpatutan kerana saya dapat tahu begitu juga sepertimana kata saya tadi di masa getah naik harga peserta FELDA ini boleh dapat sampai 700 — 800 sebulan biarlah kita ambilkan sedikit mereka ini dapat banyak wang. Begitu juga termasuk kilang tebu di Perlis.

Tuan Pengerusi, bercakap saya berkenaan Lembaga Pemulihan Tanah dan Penyatuan Tanah. Di Perlis di masa-masa yang lepas telah ada satu tanah pinggir. Ada yang dikatakan baik tetapi ada satu tempat namanya Tasoh. Disebabkan boleh jadi agak saya oleh sebab Negeri Perlis sendiri.

**Tuan Pengerusi:** Apa namanya tempat itu Yang Berhormat?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tasoh — Jalan Kaki Bukit, Batu 11, Tasoh nama tempatnya.

**Tuan Pengerusi:** Cuba eja yang pertama itu apa?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Suku kata yang pertama itu.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ta.

**Tuan Pengerusi:** Oh! Ta — Tasoh.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Barangkali macam Tuan Pengerusi kata kelmarin tidak berapa dengar.

**Tuan Pengerusi:** Takut nanti salah tulis.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Jadi satu tempat namanya Tasoh — Tanah Pinggir.

**Tuan Pengerusi:** Cukuplah itu — tahu sudah — Tasoh.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Yang dijalankan beberapa tahun yang lepas tetapi disebabkan saya tidak mahu hendak kata tempat ini makan api dan sebagainya, akhirnya tempat itu hari ini ditanamkan dengan ubi kayu oleh penduduk-penduduk yang berdekatan dan kadang-kadang kacang tanah. Kawasan yang agak saya lebih daripada 100 ekar. Jadi nisbah di Negeri Perlis boleh dikatakan tanah ini luas juga tetapi bagi sebuah negeri yang besar 100 ekar lebih ini satu kawasan yang amat sempit.

Jadi saya berharap sangatlah kepada Kementerian yang berkenaan kalau boleh berurus dengan Kerajaan Negeri Perlis untuk menolong memajukan sama tempat yang saya maksudkan tadi. Samada mengadakan rancangan tanah belia dan sebagainya saya harap sangatlah perkara ini akan mendapat kerjasama yang seerat-eratnya dengan pihak Kementerian yang berkenaan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, segala peruntuan yang ada yang akan dibuat dalam rancangan belia samada belia ini atas rancangan tanah negeri ataupun FELDA, saya merayu tolong beri keistimewaan kepada Perlis. Bukanlah saya hendak bercakap banyak tentang negeri saya Perlis ini sebuah negeri yang kecil tetapi kalau dinisbah....

**Tuan Pengerusi:** Tetapi suaranya besar.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Kalau hendak dinisbahkan peratus penduduknya besar, jadi terpaksa rakyat Negeri Perlis berhijrah ke Negeri Pahang dan sebagainya di mana ada tempat. Seperti baru-baru ini Kerajaan Negeri Johor telah memberi peruntukan tanah yang hendak diambil 116 orang kalau tidak silap saya dan yang memohon tidak kurang daripada 1000 orang. Dengan sebab itu segala rancangan yang hendak diadakan jika didapati di Negeri Perlis tidak ada tanah, saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan dan hari inipun telah diberi tetapi berilah keistimewaan lagi kerana kami mengikut peratus penduduknya banyak tanahnya kecil.

4.50 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Telok Anson):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah Kepala B. 66, muka surat 487, Butiran 1100 — Aktiviti (1) Pentadbiran Am. Tuan Pengerusi, pada tiap-tiap persidangan Parlimen tentu ada Ahli-ahli Parlimen yang bercakap tentang Pejabat-pejabat Tanah yang tidak cekap. Masaalah tanah ini adalah amat acute dan pentadbiran tanah patut dimoden dan

dimudahkan atau streamline. Dalam hal ini, saya mendesak Kerajaan supaya menubuhkan satu centralised unit computer bagi mempercepat kerja, menambahkan kecekapan, mengelakkan kelambatan (duplication) dan sebagainya. Saya juga mendesak Kerajaan supaya menimbangkan penukaran yunit pengukuran dalam hal hakmilik tanah. Yunit-yunit yang masih digunakan sekarang adalah link dan chain dan patut ditukar kepada kaki dan inci ataupun dengan sistem metrik.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap tentang Seksyen 214 (A) Kanun Tanah Negara yang telah dikuatkuasakan untuk mengawal pemecahan estet yang lebih daripada 500 ekar besarnya. Tujuan asal pindaan ini adalah baik iaitu....

**Tuan Pengerusi:** Di bawah Kepala mana Ahli Yang Berhormat bercakap?

**Tuan Au How Cheong:** Pentadbiran Am, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila teruskan.

**Tuan Au How Cheong:** Tujuan asal pindaan itu adalah baik iaitu mencegah pemecahan estet secara berleluasa yang boleh membawa masalah pengangguran dan masalah sosial yang lain, tetapi oleh kerana kekurangan tanah atau oleh kerana rakyat dahagakan tanah, ramai orang telah mengelakkan tindakan undang-undang dengan membeli tanah-tanah estet melalui syarat-syarat perjanjian atau agreement. Pembeli pertama kemudiannya menjualkan tanah itu kepada orang yang kedua dan yang kedua kepada orang ketiga dan begitulah seterusnya. Sistem pemilikan ini juga boleh dikatakan pemilikan yang mengakibatkan banyak masalah. Semasa orang-orang itu memegang surat-surat perjanjian sebagai bukti haknya ke atas

tanahnya, tanah itu masih didaftarkan di bawah nama penjual asal. Penjual yang asal itu boleh menjualkan tanah itu kepada pihak yang lain ataupun menggadaikan tanah itu kepada sesuatu bank untuk mendapat pinjaman ataupun tanah itu diambalalih (forfeited) oleh bank kerana pinjaman itu tidak dibayar. Tambahan pula tanah itu dibeli melalui surat perjanjian pengukuran rasmi (survey) tidak dibuat dan ini bermakna pengukuran kedudukan tanah itu tidak dapat ditentukan dengan tepatnya. Segala masalah ini mendatangkan sengketa yang berterusan dan menyusahkan hati orang ramai. Terdapat juga orang-orang lain yang membeli tanah-tanah estet dengan mendaftarkan diri sebagai co-owners dalam hakmilik ini. Adalah tidak mustahil bahawa sesuatu hakmilik mempunyai beratus-ratus nama tuannya (co-owners). Apabila satu kematian berlaku bilangan co-owners itu akan bertambah lagi ataupun pertukaran kepunyaan hakmilik tidak dapat dilakukan kerana seseorang tidak dapat dijumpai ataupun orang itu sudah meninggal dunia atau estet duty belum dibayar atau bukti hakmilik belum diselesaikan. Adalah jelas bahawa sambil memenuhi tujuan-tujuan tertentu Seksyen 214 (A) itu telah mewujudkan berbagai kesulitan dan kesengsaraan bagi pembeli-pembeli yang telah membeli tanah melalui cara yang tersebut di atas. Kejadian ini telah berlaku kepada beratus-ratus penduduk di kawasan saya dan sudah tentu kejadian ini juga berlaku di lain-lain tempat. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya membatalkan, meminda, mengkaji semula, melonggarkan undang-undang atau membuat apa-apa yang sesuai supaya masalah mereka dapat diatasi dan mereka benar-benar dapat menjadi tuannya tanah yang sah (true owners of their own land). Penjual asal tanah itu telah mendapat keuntungan, sebaliknya pembeli-pembeli itu telah menjadi mangsa disebabkan undang-undang yang terdapat sekarang. Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri bagi menentukan supaya pembeli-pembeli itu tidak mengalami penderitaan selama-lamanya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang Seksyen 115 Kanun Tanah Negara yang membenarkan pembinaan kilang-kilang memproses hasil pertanian atas tanah-tanah bersyarat pertanian. Tetapi kebenaran itu bukanlah tidak ada batasannya. Seksyen 115 (3) berbunyi seperti berikut. Saya minta izin hendak petikan sedikit, Tuan Pengerusi:

“The conditions specified in sub-section (1) shall be implied in the case of any land to the extent only that they are not inconsistent with any express conditions to which the land is for the time being subject.”

Ini bermakna bahawa kilang kelapa sawit tidak boleh didirikan atas tanah bersyarat tanaman kelapa sawit, kilang kelapa tidak boleh didirikan atas tanah yang bersyarat tanaman kelapa dan sebagainya melainkan kebenaran diberi dahulu. Adalah hakikatnya bahawa permohonan tukar syarat atau mendapatkan kebenaran yang diinginkan akan memakan masa yang panjang. Kelambatan dan batasan itu tidak menolong perindustrian khususnya perindustrian pertanian. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri supaya membuat tindakan yang perlu untuk membolehkan pelabur-pelabur mendirikan kilang-kilang mereka dengan secepat mungkin untuk memproses hasil pertanian.

Akhirnya, saya ingin menyentuh tentang Seksyen 8, Land Acquisition Act, 1960. Banyak tuanpunya tanah ingin mendapat penjelasan samada mereka ada hak atau tidak atas satu-satu jenis tuntutan sebagai sebahagian daripada gantirugi apabila tanah-tanah mereka diambil oleh Kerajaan atau badan-badan yang lain. Walaupun prinsip-prinsip untuk menentukan pampasan-pampasan ada disenaraikan dalam Jadual Pertama (First Schedule) Akta tersebut adalah tidak jelas samada perbelanjaan yang berbangkit (incidental expenditure) seperti bayaran penilaian boleh dijadikan sebagai sebahagian nilai tanah kerana bayaran penilaian adalah sangat tinggi. Pada pendapat

saya tuanpunya tanah patut diberi hak-hak menggunakan perkhidmatan penilai profesional bebas untuk menentukan pampasan yang berpatutan. Bayaran penilaian patut diterima sebagai sebahagian daripada nilai tanah dan bayaran penilaian itu patut dipikul oleh pihak yang membeli tanah itu. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan memberi pertimbangan atas cadangan ini.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Mukah, lepas itu Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi, kemudian saya akan jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

*5.02 ptg.*

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala P. 66, Butiran 15 — Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak di muka surat 492. Apa yang saya lihat di dalam buku perbelanjaan ini iaitu anggaran bagi tahun 1976 sampai 1980 atau dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga yang dicatitkan untuk Bahagian (i) iaitu bagi Pinjaman sebanyak \$53,596,341 dan untuk Bahagian (ii) iaitu bagi pemberian sebanyak \$2,403,659 kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Bagi perbelanjaan sebenar tahun 1976 dicatit sebagai pinjaman sebanyak \$11,236,200 dan pemberian \$1,192,641. Jika mengikut angka-angka yang dapat dikira dalam buku perbelanjaan ini bermakna bagi tahun 1977 sampai tahun 1980 di Bahagian Pinjaman masih ada lagi wang sebanyak \$42,360,141 dan Bahagian Pemberian pula masih ada lagi sebanyak \$1,211,018. Walaupun demikian, saya tidak nampak anggaran bagi tahun 1977 dan 1978 bahkan sebagai tanda seperti kebiasaan dibuat \$10 untuk mendapat peruntukan juga tidak nampak dalam buku perbelanjaan 1978 di bawah Butiran ini.

Tuan Pengerusi, atas masaalah yang saya terangkan ini saya tidak fikir Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak tidak berkehendakkan wang lagi bagi segala projek yang di bawah tadbir Lembaga yang berkenaan.

Apa yang saya tahu sekarang Lembaga itu sangat memerlukan wang. Pertama bagi membayar pampasan tanah-tanah rakyat bumiputra yang telah diambil oleh Lembaga itu untuk kawasan ladang kelapa sawit dan ternakan lembu. Secara kebetulan perkara ini berlaku dalam kawasan pilihanraya saya sendiri. Apa yang saya telah difahamkan beberapa kali oleh rakyat yang berkenaan telah datang ke Kuching untuk menerima wang pampasan tanah mereka malangnya tidak berhasil disebabkan mengikut kata mereka apa yang diberitahu oleh pihak Lembaga itu belum dapat peruntukan wang daripada Kerajaan Pusat dari Kuala Lumpur.

Dan pada 8hb Disember ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Kemajuan Wilayah memberi jawapan kepada soalan saya di dalam Dewan yang mulia ini di mana sebanyak lebih daripada 11,000 ekar tanah bumiputra belum dibayar pampasan berjumlah lebih daripada \$2 juta oleh Lembaga itu. Oleh yang demikian, kenapakah peruntukan tidak disediakan bagi tahun 1977 dan 1978 seperti kebiasaan cara untuk membelanjakan wang mendapat kelulusan Dewan yang mulia ini. Sekarang, Tuan Pengerusi, pihak mana yang benar yang tidak tahu? Adakah Kementerian ini tidak memberi peruntukan atau Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak telah tidak mahu wang? Cuma saya merasa hairan mengapa wang telah ada seperti saya terangkan awal tadi dibekukan begitu sahaja sedangkan rakyat telah bising untuk menerima hak mereka sejak berapa lama. Adakah pihak Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak tidak memberitahu Kementerian ini atas segala kesulitan yang dihadapi oleh Lembaga itu dan tidakkah Kementerian ini pernah berhubung dengan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak atas segala masalah lebih-lebih lagi mengenai perkara wang seperti ini. Oleh itu, saya berharap sangat penjelasan daripada pihak berkenaan di mana yang betulnya, samada pihak Kementerian ini sendiri mahupun pihak Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak supaya rakyat tidak tertunggu-tunggu untuk menerima wang

pampasan mereka dan ini juga boleh mengakibatkan rasa tidak puas hati rakyat kepada Kerajaan. Saya berharap kelemahan seperti ini dapat diatasi segera bagi kepentingan kedua belah pihak supaya rakyat yang berkenaan tidak menjadi sasaran tugas yang tidak begitu bertanggungjawab dan ini juga boleh melemahkan perjalanan segala jentera pentadbiran dan projek-projek yang patut berjalan mengikut Jadual.

Pada akhirnya, saya minta jasa baik Kementerian ini supaya wang yang dibekukan itu dikeluarkan apabila dikehendaki oleh Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak bagi menyelesaikan tuntutan pampasan tanah rakyat yang berkenaan dan saya juga menyokong peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian ini bagi tahun 1978.

*5.08 ptg.*

**Tuan Farn Seong Than (Sungei Besi):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa mengenai perbincangan Belanjawan tahun 1978 bagi Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah di bawah Kepala B. 66, Butiran 1100, Aktiviti (i) mengenai Pentadbiran Am.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, Pemaju Perumahan Persendirian telah mengaku bahawa mereka sanggup menunaikan kehendak matlamat perumahan iaitu membina 100,000 unit rumah dalam tempoh rancangan tersebut kiranya bureaucratic bottle-neck dalam Jabatan Kerajaan dapat dihapuskan. Ini sangat nyata dalam Pejabat Tanah di negara ini di mana permohonan yang dibuat oleh pemaju-pemaju perumahan untuk mengesah dan mengeluarkan hakmilik tanah bagi rumah-rumah selalunya tidak dapat diluluskan atau lewat. Apabila ditanya mengapa perkara seperti ini berlaku pegawai-pegawai di Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dengan cepat akan memberi alasan bahawa mereka kekurangan kakitangan untuk mencepatkan kerja. Kalau-lah ini benar Kementerian ini hendaklah

jangan berlengah-lengah lagi untuk mengambil kakitangan kerana kekurangan kakitangan akan melambatkan pembangunan.

Sejauh mana yang saya sedar tiada kekurangan kakitangan di Pejabat-pejabat Tanah kita, yang lebih nyata ialah kekurangan disiplin di pejabat-pejabat ini. Saya suka hendak menjelaskan bahawa saya tidak mempunyai sebarang dendam terhadap kakitangan di Pejabat Tanah tetapi apa yang telah saya katakan tadi adalah benar dan pasti orang ramai yang ada hubungan atau urusan dengan Pejabat Tanah akan bersetuju dengan saya. Orang ramai tidak kira samada mereka tuannya rumah, tuannya tanah, pemohon tanah, pemaju-pemaju dan lain-lain pernah mengadu kepada saya bahawa adalah mengeciwakan untuk membuat sebarang urusan dengan Pejabat Tanah kerana kakitangannya berlagak seperti mereka berada di rumah mereka sendiri atau sedang berkelah. Adalah satu pandangan yang biasa di Pejabat Tanah di mana satu kumpulan kakitangan lelaki sedang berbual mengenai perlawanan bola sepak yang telah dilihat oleh mereka di peti Talivisyen sementara rakan sekerja dari kaum wanitanya pula sedang berlumba-lumba membuat sulaman atau kerajinan yang lain di waktu pejabat sementara orang ramai terpaksa menunggu beberapa lama tanpa dilayan. Setengah daripada kaunter di situ kosong tanpa sesiapa kerana orang yang sepatutnya berada di situ telah pergi minum teh. Mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sendiri sedar tentang perkara ini dan kiranya tidak biarlah saya cadangkan supaya beliau membuat lebih banyak pemeriksaan mengejut di Pejabat-pejabat Tanah di negara ini terutama sekali Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan dan Selangor, keadaan seperti ini mestilah segera dihapuskan.

Tuan Pengerusi, sebarang kelewatan yang tidak sepatutnya berlaku dalam meluluskan permohonan Pejabat Tanah tidak hanya akan melambatkan pembangunan tetapi akan mendatangkan kesusahan kepada pembeli

pembeli rumah atau tanah kerana mereka terpaksa membayar faedah yang lebih kepada bank-bank di mana mereka membuat pinjaman. Pembeli-pembeli rumah atau tanah yang telah menjelaskan bayaran bagi harta mereka tidak dapat membuat pinjaman atau menggadaikan harta mereka sekiranya berlaku kelewatan yang tidak sepatutnya berlaku dalam mengeluarkan hakmilik tanah mereka oleh Pejabat-pejabat Tanah.

Tuan Pengerusi, di sini saya suka menarik perhatian Dewan ini terhadap satu masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk atau pembeli-pembeli rumah di Taman Skyline Batu 4½, Jalan Kelang Lama dalam kawasan saya Sungei Besi. Sebenarnya, Timbalan Menteri pun sedar masalah ini kerana saya pernah mengetuai satu rombongan wakil-wakil penduduk-penduduk Taman Skyline menemui beliau di Kementeriannya pada 2hb Disember tahun ini. Saya sangat berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan kerana bersimpati dan mengambil berat yang ditunjukkan kepada rombongan itu terhadap masalah mereka. Nama Pemaju Perumahan itu ialah mendiang Encik Fong Soon Seng yang mana perniagaan rasminya ialah Skyline Trading Co. Rumah-rumah dalam kawasan perumahan ini telah siap dibina antara tahun 1965 dan 1972 mengandungi 10 blok rumah terrace, sebuah rumah berasingan dan satu blok rumah tiga tingkat yang berjumlah 130 unit. Penduduk-penduduk yang telah membeli rumah-rumah ini cuma ada perjanjian jual-beli dari pemajunya yang menyatakan bahawa satu permohonan telah dibuat kepada pihak yang berkuasa negeri untuk mengesahkan dan hakmilik tanah berasingan akan diberi apabila diluluskan. Bagaimanapun 5 hingga 12 tahun telah berlalu tetapi masih tidak ada tanda yang hakmilik berasingan telah diberi kelulusan kepada pembeli-pembeli itu.

Berikutan dengan satu jawapan bertulis yang diberi kepada saya oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan

Kemajuan Wilayah semasa persidangan Parlimen yang berjalan sekarang saya merasa terkejut mengetahui bahawa tuanpunya tanah ataupun pemaju perumahan itu terhutang sebanyak \$89,000 kepada Pejabat Tanah dan Galian di Wilayah Persekutuan yang berupa Cukai Pintu dan Yuran Pelajaran sehingga tahun 1972 walaupun bayaran ini telah dibuat kepada pemaju atau peguamnya oleh pembeli-pembeli semasa tempoh itu.

Tuan Pengerusi, semua pembeli ini mempunyai resip rasmi untuk membuktikan yang mereka telah membuat bayaran ini kepada pemaju yang sepatutnya membayar secara berkumpul kepada Pemungut Hasil Tanah bagi tiga lot tanah di mana rumah-rumah ini dibina iaitu Lot-lot No. 977, 938 dan 939 di Mukim Petaling. Kebanyakan dari pembeli rumah ini telah menjelaskan bayaran harga rumah mereka. Memandangkan kedudukan tanah ini yang tidak tentu kerana tiada hakmilik berasingan akibat tunggakan Cukai Pintu yang terhutang kepada Pejabat Tanah yang tersebut dan tanah tersebut telah digadai janji oleh pemaju, kedudukan mereka tidak ubah seperti penghuni rumah haram. Apa yang saya tidak faham ialah mengapa bekas Pejabat Tanah Kuala Lumpur dan Pejabat Tanah dan Galian yang ada sekarang membiarkan perkara ini berlaku yang boleh membawa kepada penipuan oleh pemaju perumahan ini, dan apa yang lebih penting ialah pihak berkuasa yang berkenaan tidak mengambil sebarang tindakan untuk menuntut tunggakan sebanyak \$89,000 itu sehingga tahun 1972 atau lebih sekarang dari pemaju ini selama beberapa tahun yang lampau. Oleh yang demikian, pihak berkuasa yang berkenaan adalah sama juga bertanggungjawab kerana membenarkan penipuan seperti ini berlaku yang bertentangan dengan undang-undang kerana bertanggungjawab dengan keadaan seperti ini. Saya suka hendak mencadangkan supaya pihak yang berkenaan mengambil sesuatu langkah supaya perkara ini diselesaikan bagi kepentingan pembeli-pembeli rumah di Taman Skyline.

Saya cadangkan supaya pihak berkuasa tanah merampas tanah ini dan keluarkan hakmilik tanah yang berasingan kepada pembeli-pembeli dengan menuntut tunggakan hutang cukai pintu itu dari pembeli-pembelinya dengan kadar yang ditentukan. Walaupun ini satu perkara baru tetapi kalau perkara baru itu baik saya fikir Kementerian hendaklah jangan takut bertindak bagi kepentingan rakyat.

**Tuan Pengerusi:** Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.21 ptg.

**Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya suka mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap dan memberi pandangan, teguran dan cadangan kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah mengucapkan tahniah kepada FELDA, kepada pihak Kementerian, kepada pegawai-pegawai dan ahli-ahli Lembaganya atas kejayaan-kejayaan (achievement) yang telah dibuat oleh FELDA dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembukaan tanah di seluruh negara. Di antara lain beliau telah meminta supaya pihak FELDA menambahkan lagi targetnya daripada 5, 100 penempatan peneroka setahun kepada 10,000 setahun ataupun lebih kerana katanya banyak lagi beratus-ratus ribu orang yang ingin hendak masuk di rancangan FELDA belum ditemuduga dan seterusnya ditempatkan di rancangan-rancangan ini.

Tuan Pengerusi, inginlah saya menyatakan di sini seperti dalam ucapan saya tadi bahawa target FELDA dalam Rancangan Malaysia Ketiga adalah 350,000 ekar akan tetapi pihak FELDA dengan kecekapannya telah bersetuju mengup-gredkan lagi targetnya daripada 350,000 kepada 500,000 ekar dan kita harapkan pembangunan ini akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Yang

menjadi masalah di dalam penempatan peneroka-peneroka ini ialah bukan masalah physical development tetapi yang menjadi masalah ialah pembinaan infrastruktur, terutama sekali mengenai rumah-rumah peneroka kerana kelambatan ini ialah di kalangan kontraktor-kontraktor yang telah mengambil kontrak di dalam membangunkan rumah-rumah peneroka telah mengalami beberapa kesulitan, masalah wang, masalah kurang pengalaman dan lain-lain lagi. Inilah yang melambatkan penempatan peneroka di rancangan-rancangan FELDA. Walau bagaimanapun, pihak FELDA yakin bahawa satu tunggakan yang berjumlah lebih kurang 12,000 orang pada masa sekarang, mungkin kurang lagi pada masa sekarang, akan dapat ditempatkan di rancangan-rancangan yang ada dalam masa tahun 1979 dan selepas itu permohonan-permohonan akan dibukakan lagi supaya dapat banyak lagi rakyat memohon memasuki di rancangan-rancangan FELDA.

Satu cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi ialah supaya FELDA membeli estet-estet dan diberikan kepada koperasi-koperasi. Saya rasa ada beberapa buah agensi Kerajaan iaitu SEDC Kedah dan Selangor kalau tidak salah saya telah membeli estet-estet seperti ini. Bagi pihak FELDA, FELDA merupakan satu implementing agency dan ianya mendapat wang daripada Kerajaan secara hutang. Saya rasa kalau FELDA ada mempunyai wang, saya yakin bahawa FELDA mahu membeli estet-estet seperti ini dan seterusnya agaknya memberikan kepada peneroka-peneroka. Tetapi oleh kerana keadaan kewangan mungkin FELDA tidak mempunyai kemampuan menjalankan tugas ini.

Mengenai soalan FELCRA supaya pihak FELCRA memberi bantuan kepada orang-orang Melayu bukan sahaja di dalam kawasan Malay Reserves bahkan di luar daripada kawasan Malay Reserves saya rasa ini merupakan satu perkara yang agak besar

untuk diselenggarakan oleh FELCRA iaitu masalah bantuan guaman dan lain-lain. Saya rasa institusi-institusi kewangan, agensi Kerajaan yang lain boleh menyelenggarakan masalah ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah menimbulkan perasaan tidak puashati orang ramai khususnya pemaju-pemaju perumahan dan lain-lain terhadap Jabatan Tanah di seluruh negara kita ini. Ingin saya menyatakan di sini bukan sahaja mereka tidak puashati bahkan saya sendiri kurang puashati atas perjalanan Jabatan-jabatan Tanah yang ada sekarang. Oleh itu, pihak Kementerian sentiasa mengambil tindakan untuk memodenkan lagi pentadbiran tanah, melicinkan lagi pentadbiran tanah. Tuan Pengerusi, suka-lah saya menyatakan di sini bawa pihak Kementerian saya telah berhubung dengan seluruh Jabatan-jabatan Tanah di seluruh negara kita untuk meminta mereka memberi butir-butir masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka umpamanya mengenai bilangan kakitangan, pegawai-pegawai, kerani dan juga bilangan mereka yang berpengalaman dan tidak berpengalaman, dan masalah besar ataupun kecil Jabatan-jabatan ini. Ini ialah dengan tujuan supaya kita dapat mengkaji dengan keseluruhannya masalah yang dihadapi oleh Jabatan-jabatan ini, supaya kita dapat bersama-sama mencari jalan untuk memperbaiki keadaan ini.

Sebenarnya pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan Jabatan PTG Persekutuan dan juga Jabatan Perdana Menteri seperti jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kelmarin dalam Dewan ini sedang menjalankan satu kajian yang menyeluruh atas masalah ini dan kita harapkan supaya pentadbiran ini akan dapat diperbaiki dari satu masa ke satu masa. Sebenarnya pihak Kementerian telah mengemukakan beberapa cadangan, beberapa syor kepada pihak Kerajaan dalam usaha kita untuk mengatasi masalah kelambatan ini kerana kita dapati bahawa beberapa faktor telah menyebabkan



kelambatan di dalam Jabatan Tanah. Masalah yang besar ialah masalah kekurangan kakitangan dibandingkan dengan bebanan kerja iaitu staff in relation to work load. Selain daripada itu kekurangan kakitangan pegawai rendah seperti kerani dan juga kekurangan pengalaman dan pertukaran pegawai-pegawai dan kerani-kerani ini ke jabatan-jabatan lain.

Oleh itu, pihak Kementerian telah membuat beberapa syor kepada pihak Kerajaan supaya di antara lain membekukan pertukaran pegawai-pegawai yang mempunyai pengalaman dalam pentadbiran tanah dan begitu juga kerani-kerani dan mengasingkan pentadbiran tanah daripada Jabatan Daerah. Perkara ini sedang dijalankan dengan begitu giat oleh pihak Kementerian. Sukalah saya menyatakan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sekarang adalah menjalankan tugasnya dengan begitu baik oleh kerana kita telah mendapat seorang pegawai yang mempunyai pengalaman di dalam bidang pentadbiran tanah iaitu Timbalan Ketua Setiausaha Pentadbiran Tanah. Jadi kita harap dalam masa setahun dua lagi ataupun tiga tahun lagi kita yakin dengan kerjasama daripada pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri kita akan mendapati beberapa perubahan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menyuarakan kelambatan dan red tape mengenai pendaftaran dokumen ataupun surat hakmilik dan telah menggugurkan segala kesalahan ini terhadap Jabatan Tanah. Sukalah saya menyatakan di sini, Tuan Pengerusi, bahawa saya rasa adalah tidak adil bagi kita menyalahkan serba-serbinya kepada Jabatan Tanah. Oleh kerana umpamanya dalam masalah penukaran syarat ada jabatan-jabatan lain yang terlibat umpamanya Jabatan Nilai (Valuation Department) dan Jabatan Kerjaraya (Planning Division) dan lain-lain lagi. Jadi kelambatan selalunya berlaku di jabatan-jabatan ini mungkin oleh sebab kekurangan kakitangan teknikal di jabatan-jabatan ini.

Walau bagaimanapun beberapa cadangan sedang dibuat untuk memperbaiki lagi keadaan ini supaya sama-sama kita dapat mempercepatkan perkara ini kerana ianya akan mengurangkan kos kepada pemaju-pemaju.

Beliau juga telah menyatakan bahawa di dalam Wilayah Persekutuan dalam masalah penukaran syarat kegunaan tanah, ianya mengambil masa begitu lama. Mungkin ada betul. Akan tetapi saya rasa di Wilayah Persekutuan tidaklah begitu lama.

Ingin saya memberikan satu statistik di sini untuk membuktikan apa yang berlaku di Wilayah Persekutuan. Masalah penukaran tukar syarat yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan kerana Wilayah Persekutuan merupakan satu jabatan tanah yang boleh dikatakan cekap dan saya berpuashati dengan kerjakerja dan kecekapannya. Sebagai contoh, Tuan Pengerusi, saya baca sedikit.

Pemohon	Tarikh Permohonan	Tarikh Kelulusan
Hong Bee Realty Ltd.	7.3.75	17.6.75 (kurang lebih 3 bulan penukaran kegunaan)
Sockland Development Sdn. Bhd.	10.6.77	2.12.77 (kurang lebih 6 bulan)
Emily Joseph	13.1.76	21.12.76 (kurang lebih 11 bulan)
Ban Joo Sdn. Bhd.	4.1.77	25.6.77 (kurang lebih 5 bulan)

Itulah saya rasa mungkin ada kes-kes yang begitu lambat hendak diselesaikan oleh beberapa sebab. Mungkin satu daripada sebabnya ialah kekurangan kakitangan dan juga kesalahan itu dibebankan juga kepada pemohon-pemohon itu sendiri. Umpamanya, pemohon sendiri tidak mematuhi peraturan-peraturan dan kehendak-kehendak Kanun Tanah Negara dan Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan seperti menjelaskan tunggakan hasil tanah yang terhutang dan mendapat surat persetujuan daripada pihak yang berkepentingan di atas tanah itu. Satu kes in

point yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi tadi. Dan selain daripada itu pemilik tanah lewat-lewatkan pembayaran premium, ini satu perkara yang melambatkan pengeluaran surat hakmilik dan beberapa sebab-sebab lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga telah menimbulkan masalah tipu helah syarikat pengeluar iklan menjual tanah untuk tapak rumah dan telah menimbulkan satu syarikat bernama Syarikat Sri Alam.

Saya telah difahamkan, Tuan Pengerusi, bahawa syarikat yang tersebut telah membeli tiga buah estet dan dua daripadanya telah dirujuk kepada Kerajaan negeri yang berkenaan dan ianya iaitu mengenai permohonan penukaran syarat-syarat dan lain-lain lagi. Saya telah difahamkan ianya adalah di dalam pertimbangan pihak Kerajaan Negeri.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat tadi juga telah menimbulkan masalah supaya pihak Kerajaan dapat mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan berlakunya perkara seperti itu lagi. Ingin saya menyatakan di sini bahawa pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah memanglah mengambil berat atas masalah seperti ini dan pada masa ini satu Jawatankuasa sedang ditubuhkan oleh pihak Kementerian iaitu Jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, Peguam Negara, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah sendiri untuk mengkaji dan menghalusi satu undang-undang untuk meminda Kanun Tanah Negara supaya kita dapat mencegah berlakunya perkara seperti ini. Dan adalah diharapkan bahawa pindaan Rang Undang-undang ini akan dapat dikemukakan di Parlimen dalam persidangan yang akan datang, agaknya. Dan perkara ini juga akan menjawab soalan yang ditimbulkan

oleh Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson, mengenai Seksyen 214 (A).

Saya hanya hendak membaca sedikit sahaja pindaan yang dicadangkan, sungguhpun belum siap, supaya memberi satu bayangan kepada Ahli Yang Berhormat.

“Subject to Section 220 (c), no person or body shall sell, offer or agree to sell, advertise for sale or being an intending seller, enter into or execute any agreement to sell any designated or delineated part of any alienated land in circumstances which are likely to lead an intending buyer to expect a transfer to him at some future time by the intending seller of a separate registered title to the part to be sold unless prior approval of such sale has been given by the State Commissioner.”

Kita berharap ini merupakan satu cadangan, belum muktamad lagi, dan kita berharap dengan mengadakan undang-undang macam ini dapatlah kita mencegah berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjung Karang telah menimbulkan kelambatan pengeluaran surat hakmilik oleh kerana kelambatan pengukuran tanah. Dan beliau telah meminta supaya pegawai-pegawai ukur ditambah lagi untuk mempercepatkan pengeluaran.

Saya rasa pihak Jabatan Ukur adalah dibebankan dengan begitu banyak kerja-kerja Kerajaan dan sudah tentu projek-projek Kerajaan menghendaki keutamaan di dalam senarai Kerajaan dan ada pihak-pihak private surveyors yang boleh digunakan untuk melaksanakan tugas seperti ini.

Beliau telah juga menyentuh tentang satu kawasan rancangan tanah belia di dalam kawasannya dan meminta saya mengambil perhatian. Saya tidak dapat memastikan samada rancangan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu rancangan FELCRA;

mungkin ianya rancangan Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun saya akan meneliti lagi kes ini supaya satu tindakan yang sesuai dapat diambil.

Ahli Yang Berhormat dari Alor Setar telah menimbulkan masalah kekurangan orang bukan bumiputra di dalam rancangan tanah Kerajaan. Saya rasa tidaklah perlu saya menjawabnya kerana perkara ini selalu sangat saya menjelaskannya.

Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Kangar telah minta permohonan supaya Negeri Perlis diberi keutamaan di dalam rancangan-rancangan ini. Saya rasa bolehlah kita menimbangkan atas permintaan ini, walaupun kita tidak dapat memberi jaminan bahawa orang-orang Perlis akan diberi keutamaan dalam rancangan-rancangan FELDA, oleh kerana Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri memberi keutamaannya kepada anak-anak negeri mereka sendiri kecuali Negeri Pahang yang telah memberi peruntukan one to one iaitu 50 rakyat Negeri Pahang dan 50 rakyat dari negeri-negeri lain. Dan perkara-perkara lain kerana untuk menjimatkan masa saya akan mengambil perhatian sahaja.

Ahli Yang Berhormat dari Telok Anson telah menimbulkan masalah yang specific iaitu mengenai Seksyen 214 yang mewujudkan kesulitan dan meminta supaya pihak Kementerian ini mengkaji dan menilitikan Seksyen ini diminta supaya ia dipinda. Saya akan mengambil perhatian di atas perkara ini, dan juga Seksyen-seksyen lain yang disebutkan Seksyen 115 (3) dan Seksyen 8 Land Acquisition Act.

Ahli Yang Berhormat dari Mukah telah menyuarakan kebimbangannya iaitu pihak Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak telah tidak diberi peruntukan di dalam Anggaran Belanjawan tahun ini dan telah menyatakan di manakah kesalahannya. Tuan Pengerusi, jikalau peruntukan tidak diberi kepada Lembaga ini saya sendiri kuatir sangat sebab

kawasan pilihanraya saya pun di sana juga. Walau bagaimanapun, saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa sungguhpun peruntukan itu tidak nampak di dalam Anggaran Belanjawan itu oleh kerana ke-lambatan daripada pihak yang berkenaan dari Sarawak untuk mengadakan mesyuarat itu. Jadi pihak Persekutuan peruntukan yang telah diluluskan oleh pihak Treasury sebanyak \$18,800,860 di Butiran 15 Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak akan dapat dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia melalui Contingencies Reserve Advance Warrant bila dikehendaki nanti — jadi adalah wang.

Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi telah menyatakan dua tiga perkara iaitu masalah dalam Jabatan Tanah bukannya kekurangan kakitangan, akan tetapi kekurangan disiplin di kalangan mereka dan telah menyatakan bahawa banyak orang itu berbual-bual dan minum teh sahaja serta melewat-lewatkan kerja. Jadi ini merupakan satu perkara yang umum kecuali Ahli Yang Berhormat itu dapat memberitahu kepada saya sesuatu Jabatan ataupun Land Office, saya akan menyiasat. Walau bagaimanapun, saya rasa mungkin waktu Ahli Yang Berhormat pergi ke sana waktu tea break.

Mengenai Taman Skyline ini, sebenarnya Ahli Yang Berhormat dari Sungei Besi telah berjumpa dengan saya dan saya telah memberi pandangan kepada beliau. Dalam pendapat kita bahawa perkara ini merupakan satu perkara sivil kes. Jadi sepatutnya pihak pembeli mengambil tindakan terhadap pembina rumah itu. Cadangan beliau supaya pihak Kerajaan atau Wilayah Persekutuan merampas tanah tersebut iaitu forfeiture for failure to pay arrears kepada pihak Kerajaan dan tanah itu diberi balik kepada pembeli-pembeli merupakan satu jalan. Akan tetapi seperti saya telah terangkan kepada Ahli Yang Berhormat itu kita mesti memikirkan implikasi tindakan yang kita ambil kerana apa yang saya kuatir, Tuan Pengerusi, bahawa kalau pihak Kerajaan membuat perkara

seperti ini kemungkinan kita akan menimbulkan beberapa irresponsible developers di mana mereka boleh membangunkan beberapa buah rumah, selepas itu dia lari, biarkan Kerajaan menanggung beban.

Jadi itulah sahaja, Tuan Pengerusi, serba sedikit penjelasan yang saya dapat buat dan mana-mana perkara yang telah ditimbulkan dan tidak saya jawab Insya Allah saya akan meneliti *Hansard* nanti dan akan mengambil perhatian dan mana cadangan yang kita fikir patut dilaksanakan kita akan melaksanakan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$30,043,100 untuk Kepala B. 66 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$565,732,950 untuk Kepala P. 66 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

**Tuan Pengerusi:** Maka dengan persetujuan yang akhir ini tamatlah kita membicarakan Jadual di bawah Rang Undang-undang dan keseluruhan jumlah \$6,239,897,020 bagi semua Kepala-kepala di bawah Jadual adalah dipersetujui menjadi sebahagian daripada Jadual, bermakna Jadual itu menjadi sebahagian dari Rang Undang-undang.

*Fasal 1 dan 2* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,643,560,095 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1978, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah

Maksud Pembangunan atau ("P") dan dalam Senarai Belanjawan Persekutuan, 1978 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 tahun 1977, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 telah ditimbang dalam Jawatankuasa Perbekalan dan telah disetujui tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## USUL

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan iaitu Jawatankuasa telah menimbang Usul yang diedarkan kepadanya dan bersetuju dengan Usul ini. Seterusnya saya mencadangkan:—

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,643,560,095 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1978, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam

senarai Belanjawan Persekutuan, 1978 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 tahun 1977, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

**Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,643,560,095 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1978, dan bagi tujuan-tujuan

dan butiran-butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1978 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 37 tahun 1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan telah tamat membicarakan semua perkara yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini, maka saya tangguhkan Dewan ini sehingga pukul 2.30 petang pada hari Isnin, 19.12.1977.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 5.50 petang.*